



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Kualiti dan  
Pengembangan  
Ilmu



**BUKU PROGRAM**

# MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH

**Kebiasaan Baharu, Jaminan Kelestarian UiTM**

**18 DISEMBER 2020 (JUMAAT)**



**Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan**



#kitaitm

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PERTANDINGAN IDEA UNGGUL @ UiTM 2020**

**18 DISEMBER 2020**

**ARAS 7, CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

## **KANDUNGAN**

Setinta Kata Naib Canselor UiTM.....	ii
Latar Belakang Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020....	1
Atur cara .....	2
Senarai Finalis dan Profil Kumpulan.....	3 - 62
Ahli Jawatankuasa Penganjur.....	63
Senarai Juri.....	64

**Setinta Kata**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Teknologi MARA**



Pertama sekali marilah bersama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Tahniah saya ucapkan kepada pihak InQKA atas inisiatif menganjurkan pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 ini sebagai alternatif kepada Konvensyen KIK yang lazimnya diadakan pada setiap tahun. Walaupun pertandingan ini dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian berikutan kekangan situasi masa kini, namun saya percaya segala perancangan yang mengarah kepada objektif penganjuran program ini tercapai. Hal ini secara langsung akan dapat membudayakan aktiviti inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga UiTM.

Justeru itu, saya berharap agar segala inovasi yang diketengahkan menerusi pertandingan ini bakal memberi manfaat, bukan hanya kepada jabatan, universiti mahupun masyarakat bahkan juga dapat dimanfaatkan serta dikomersialkan di peringkat negara dan antarabangsa.

Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta kumpulan Idea Unggul yang menyertai pertandingan ini dan tahniah kepada para pemenang. Terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah bekerjasama dan terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penganjuran pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020.

**Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim**

## **LATAR BELAKANG PERTANDINGAN IDEA UNGGUL@UiTM**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa menggalakkan pemesanan aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di seluruh sistem UiTM. Setiap tahun, dua peringkat konvensyen KIK akan diadakan untuk memberi peluang serta pengiktirafan kepada warga UiTM seluruh Malaysia dalam usaha sama penghasilan inovasi kreatif dalam bidang kerja masing-masing. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 adalah suatu tahun yang amat mencabar, bukan sahaja kepada UiTM, malahan negara dan juga seluruh dunia. Pandemik Covid-19 yang melanda ternyata telah memberi impak yang cukup besar dalam segenap kehidupan manusia. Malaysia sendiri umpamanya telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan pandemik ini. Ternyata PKP telah menyebabkan aktiviti seharian perlu dilakukan dalam kebiasaan baru. Keadaan ini menyebabkan Konvensyen KIK yang lazim diadakan secara fizikal di peringkat zon dan UiTM tidak dapat diadakan. Walau bagaimanapun, menyedari bahawa inovasi dan kreativiti adalah sesuatu yang tidak “mati” dan sentiasa wujud serta berkembang, maka pihak InQKA telah menyahut cabaran dengan mencadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti untuk menganjurkan Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM yang dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian, khusus bagi mematuhi kebiasaan baru yang disarankan oleh pihak Kerajaan. Sesungguhnya, pertandingan ini yang mendapat sokongan padu dari Naib Canselor dan seluruh pengurusan tertinggi Universiti dan para warga adalah suatu wadah bagi menyuburkan lagi perkembangan inovasi dan kreativiti, terutama dalam mencari jalan dan kaedah menyelesaikan masalah kerja seharian, terutama dalam mendepani pandemik Covid-19.

### **OBJEKTIF**

Objektif Pertandingan ini adalah untuk: -

1. Kelangsungan pembudayaan dan pemeraksanaan inovasi dikalangan warga UiTM;
2. Menyemarakkan semangat berinovasi di kalangan warga UiTM;
3. Menggalakkan penghasilan inovasi yang berimpak tinggi serta bernilai komersial;
4. Menggalakkan keterlibatan warga UiTM dalam menyumbangkan usaha untuk mencapai KPI UiTM; dan
5. Meningkatkan daya kreativiti, pemikiran inovatif dan memastikan warga UiTM berdaya maju dalam memenuhi inspirasi Negara.

### **PESERTA**

Pertandingan ini adalah terbuka kepada seluruh warga UiTM. Sebanyak 60 kumpulan telah menyertai pertandingan ini meliputi 17 kumpulan bagi bidang Pengajaran dan Pembelajaran, 33 kumpulan bidang Pengurusan dan 10 kumpulan bidang Sosial. Setelah melalui proses penilaian pusingan awal, sebanyak 30 kumpulan telah terpilih ke peringkat pusingan akhir iaitu 11 (Pengajaran dan Pembelajaran), 11 (Pengurusan) dan 8 (Sosial).

## ATUR CARA

Masa	Aktiviti
10.45 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan
10.50 pagi	Ketibaan Y. Bhg. Prof Madya Dr. Azizah Abdullah Pemangku Penolong Naib Canselor InQKA, UiTM
10.55 pagi	Ketibaan Y. Bhg. Prof Dr. Hjh Roziah Mohd Janor Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
11.00 pagi	Ketibaan Y. Bhg. Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Naib Canselor UiTM
11.05 pagi	Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM
11.10 pagi	Bacaan Doa
11.15 pagi	Ucapan Aluan oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah Pemangku Penolong Naib Canselor InQKA
11.25 pagi	Ucapan Perasmian Majlis Penyampaian Anugerah Pertandingan IDEA UNGGUL@ UiTM 2020 oleh Y. Bhg. Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Naib Canselor UiTM
11.35 pagi	Tayangan Montaj  Penyampaian Anugerah Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 oleh Y. Bhg. Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Naib Canselor UiTM  Penyampaian Cenderamata kepada Y. Bhg. Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Naib Canselor UiTM  Sesi Bergambar  Jamuan Ringan
12.30 tengahari	Bersurai

## **KUMPULAN: AGILE - G**

### **TAJUK: SISTEM E-MESYUARAT UiTM**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

E-Mesyuarat UiTM merupakan sistem pengurusan mesyuarat dan pemantauan keputusan mesyuarat secara dalam talian yang dibangunkan secara dalaman menggunakan perisian sumber terbuka (OSS). Ia merupakan salah satu produk dari Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti dengan kerjasama JPSM dan Jabatan Infostruktur, PPII dibangunkan mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991, Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa- jawatankuasa Kerajaan. Pembangunan sistem eMesyuarat dimulakan sebagai langkah penyelesaian kepada pengurusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang dikenali sebagai eMeeting LPU. Bagi memenuhi keperluan semasa, kini ia telah diperluaskan penggunaannya kepada seluruh PTJ dan setiap peringkat Jawatankuasa di seluruh sistem UiTM. Pembangunan eMesyuarat Fasa 1 (2019-2010) telah berjaya dilaksanakan menggunakan infrastruktur *cloud* yang disediakan oleh Jabatan Infostruktur UiTM. eMesyuarat bercirikan *cloud-enabled* menggunakan teknologi dan framework terkini bagi memenuhi keperluan mesyuarat masa kini. Perluasan eMesyuarat ke seluruh sistem UiTM akan mentransformasikan penyampaian perkhidmatan di UiTM menjadi lebih efisien, kecekapan dan tangkas menjelang akhir tahun 2020. Mengakses eMesyuarat merupakan satu perkara yang mudah dimana sistem ini boleh dilayari oleh pelayan web seperti Google Chrome, Firefox, Microsoft Edge dan lain-lain melalui URL <https://emesyuarat.uitm.edu.my>. Ciri-Ciri Sistem eMesyuarat 1. Sistem berasaskan web dan boleh diakses dari dalam dan luar UiTM 2. Menggunakan UiTM Google SSO bagi menjamin keselamatan *credential* pengguna. 3. Mematuhi Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Universiti Teknologi MARA. 4. Meliputi modul: a. Pengurusan takwim mesyuarat b. Pengurusan ahli tetap dan urusetia c. Pengurusan agenda d. Pengurusan keputusan dan minit mesyuarat e. Pengurusan tindakan pengesanan ahli.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam

## **AHLI KUMPULAN**



Nur Rahimie Fahmi bin Noor Adzman (Ketua)

Che Roslela binti Che Sulaiman

Mohd Azrul Amir bin Muhamad Tajudin

Mohd Mahfuz bin Dohadi

Mohd Hasnor bin Asman

Rosman bin Yahya

Syahida Fathiah binti Ahmad Kamal

Zailiyanti binti Zabidin



## **KUMPULAN: AKAL**

### **TAJUK: ALAT SUKATAN PENILAIAN BUAH KELAPA (CEMT)**

## **BIDANG: SOSIAL**

### **RINGKASAN PROJEK**

Unit pengurusan ladang UiTM Cawangan Perlis menanam pelbagai jenis tanaman buah-buahan. Salah satu tanaman yang mempunyai permintaan buah yang tinggi ialah kelapa mataq. Pengeluaran hasil kelapa mataq di UiTM Cawangan Perlis merupakan salah satu sumber utama punca pendapatan bagi UiTM Perlis. Terdapat hampir 1,000 pokok kelapa mataq di tanam di ladang UiTM Perlis. Hasil pendapatan bagi kelapa mataq dianggarkan diantara RM10,000-RM20,000 setahun. Hampir 80% permintaan buah kelapa muda di UiTM Cawangan Perlis. buah kelapa muda akan tuai mengikut keadaan dimana buah telah mempunyai isi lembut akan dituai. Malangnya terdapat kesalahan dalam penuaian buah kelapa muda tersebut dimana buah yang dituai terlalu muda dan tidak mempunyai isi lagi dan terdapat buah yang dituai telah mempunyai isi tetapi agak keras. Akibatnya buah yang dituai tidak dapat dijual dan ini merugikan pihak UiTM. Disebabkan masalah yang berlaku ini kumpulan kami telah membuat tinjauan dan kajian untuk mencari buah kelapa muda yang bersesuaian dengan permintaan pelanggan. Untuk mengenal pasti masalah ini kami telah mencari pelbagai sampel buah dan sampel barangan ujian untuk menentukan kesesuaian penggunaannya di ladang. Kumpulan kami telah meneliti pelbagai masalah yang dihadapi dalam pemilihan buah, mencari kesesuaian buah muda, ketinggian pokok dan sebagainya. Pelbagai cara dan kaedah yang telah kami gunakan dalam mengenalpasti kelapa muda yang sesuai. Setelah mencari pelbagai cara dan kaedah kami telah dapat mengenal pasti buah kelapa muda yang sesuai untuk dituai menggunakan alat yang direka oleh kumpulan kami yang diberi nama sebagai alat pengukur ketepatan buah kelapa muda. Impak alat ini ialah: - 1. dapat mengenalpasti buah yang hendak dituai. 2. mudah tidak perlu dituai terlebih dahulu untuk mencari buah yang sesuai dan hanya dapat diuji di atas pokok. 3. memudahkan kerja dalam pemilihan buah walaupun bukan dalam golongan pekerja yang mahir. 4. dapat menguji kesesuaian buah kelapa yang hendak dituai diatas pokok. 5. buah yang sesuai dapat ditanda diatas pokok sebelum buah dituai. 6. menjimatkan masa dan tenaga kepada pekerja 7. menjimatkan kos pengurusan. 8. mengurangkan kerosakan dan kerugian buah.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau

## **AHLI KUMPULAN**



Azhar bin Ismail (Ketua)  
Asri bin Ab Rahim  
Hamidan bin Ibrahim  
Hindon binti Yaacub  
Mazura binti Mohd Mohayudin  
Ramli bin Ishak  
Rosnizam bin Mansor  
Zafirah binti Abdul Azis

## **KUMPULAN: BESTARI**

### **TAJUK: SISTEM E-INVENTORI BILIK KULIAH**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor menghadapi kesukaran bagi proses pemantauan bilik kuliah yang dilakukan secara manual di mana rekod tidak disimpan secara terperinci dan sistematik. Proses ini berulang setiap kali awal semester dan staf perlu pergi ke setiap bilik kuliah iaitu sebanyak 106 buah bilik kuliah. Sistem e-inventori bilik kuliah ini dibangunkan bagi membolehkan bilik kuliah dipantau dari mana-mana lokasi. Semasa PKP, staf tidak perlu hadir ke pejabat memadai *work from home*. Sistem ini memberi ruang kepada staf untuk mengetahui peralatan dan bilik kuliah yang perlu diselenggara dan diperbaiki. Ini sekaligus meminimalkan pertembungan di antara pelanggan kerana proses pemantauan tidak perlu dilakukan secara fizikal. Sistem e-inventori bilik kuliah ini dibangunkan setelah mendapat teguran audit dalam pada tahun 2019 dimana data mengenai kapasiti bilik kuliah serta peralatan pembelajaran dan pengajaran tidak disimpan dengan kemas, teratur dan sistematik. Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor (TREK HEA telah memberi petunjuk prestasi utama (*key performance indicator- KPI*) kepada unit pengurusan bilik kuliah hal ehwal akademik untuk menambahbaik proses kerja dan penyampaian perkhidmatan. Sebelum ini data hanya direkodkan di kertas dan buku secara manual dan staf perlu mengemaskini data-data tersebut secara manual dan berulang. Data kebiasaannya akan hilang, tidak tepat dan berubah. oleh itu, satu sistem dicadangkan dengan meliputi keadaan fizikal bilik kuliah, peralatan dan penyelenggaraan dan status terkini. sistem e-inventori ini akan menjimatkan masa dan tenaga kerja staf di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Dengan adanya sistem e-inventori bilik kuliah ini, proses kerja untuk menilai, menyemak dan menyelenggara peralatan di bilik kuliah dapat dipendekkan. Selain itu, kualiti tenaga kerja staf di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) akan menjadi lebih efisien dan sistematik. Data dapat disimpan secara teratur dan lengkap. Dari aspek kepuasan hati pelanggan, pelanggan dapat mengakses dan memperolehi butiran dan keterangan yang diperlukan dengan mudah, pantas dan pantas tanpa perlu melihat kepada manual dan fail Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Kami yakin sistem ini boleh diperkenalkan dan dikomersilkan kepada seluruh sistem UiTM serta mana-mana institusi pendidikan yang berminat. Sistem ini selari dengan aspirasi UiTM untuk mengurangkan kebergantungan kepada kertas serta merealisasikan moto UiTM Cawangan Johor iaitu penyampaian perkhidmatan secara digital.

## **NAMA FAKUTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat

## **AHLI KUMPULAN**



Muhamd Lukmanulhakin bin Mohd Amir (Ketua)

Che Faridah binti Che Mahmood

Elyazani binti Sarmani

Hamzah bin Aziz

Haslina binti Wahab

Mohd Fairulnizam bin Mustajab

Nurfahrul Haniffi bin Norzaimi

Nurul Najihah binti Abdul Kadir

Siti Fatimah binti Mohd Noh

Syed Mohd Najib bin Syed Ismail

Zainal bin Tumpang

## **KUMPULAN: ADMIN\_NATION**

### **TAJUK: FOLDABLE, PORTABLE AND SYSTEMATIC BROCHURE DISPLAY**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Kumpulan Admin\_Nation adalah KIK baharu yang ditubuhkan dalam bulan Ogos 2020 khas untuk menyertai pertandingan IDEA UNGGUL @UiTM 2020. KIK ini terdiri daripada staf-staf bahagian pentadbiran UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Diketuai oleh Puan Atikawati Ahmad Razali dan dianggotai oleh En Sazwan, En. Marzuki Jamilah, En Muktarudin Sirat dan Cik Nur Sazleena. KIK admin\_nation menampilkan gabungan muka lama dan baharu dalam penglibatan KIK di Kampus Samarahan 2. Permasalahan yang dikenalpasti dan dihadapi oleh staf-staf di bahagian pentadbiran adalah semasa mengendalikan program di luar kampus contohnya hari bersama pelanggan atau misi akademik UiTM. Kebanyakan penganjuran program ini diadakan di luar kawasan kampus, malahan ada yang dijalankan di pedalaman atau kawasan luar bandar. Staf yang terlibat akan membantu mengurus peralatan pameran. Kerapkali alatan pameran ini memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk dikendalikan disamping memerlukan kaedah pengurusan dan penyimpanan yang efisien, secara konsisten. Hasil maklumbalas diterima daripada staf mengurus, mendapati bahawa keberkesanan kaedah dan produk alatan pameran sediaada adalah kurang efektif. Oleh yang demikian, kumpulan telah menjalankan sedikit kajian ringkas dan berbincang. Kumpulan mendapat idea untuk mewujudkan satu produk khas yang diberi nama *foldable, portable & systematic brochure display*. Produk ini menyasarkan untuk menyelesaikan permasalahan utama yang dinyatakan diatas. Melalui perlaksanaan idea ini kelak, produk ini akan membantu urusan pameran supaya dapat diuruskan secara lebih efisien, jimat tenaga kerja, fleksibel dan mudah untuk disimpan secara lebih teratur. dibandingkan dengan kaedah dan peralatan lama yang memerlukan lebih tenaga kerja mengurus selain memakan masa. walaupun produk ini bukanlah produk kesihatan, kebersihan yang secara langsung terikat tema pertandingan iaitu isu PKP dan Covid-19 mengambilkira untuk terus relevan dengan tema dinyatakan penganjur, kumpulan telah mengadaptasi perlaksanaan perjalanan projek ini dengan norma baharu. mesyuarat yang dahulunya diadakan secara fizikal, digantikan dengan sesi perbincangan secara atas talian dengan menggunakan platform online. Selain itu, merujuk jangkaan hasil projek ini kelak, kumpulan berpendapat bahawa pengaplikasian norma baharu pasca Covid-19 juga dapat digunakan seiring dengan perlaksanaan projek ini. Pengoperasian produk ini kelak akan secara tidak langsung mengurangkan jumlah staf terlibat di lokasi bertugas tersebut. sekaligus isu - isu seperti penjarakan sosial dan pengurangan tenaga kerja di satu satu lokasi dapat diaplikasikan. Kumpulan berharap bahawa projek ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya kerana fungsi dan keberkesannya dalam proses kerja melangkaui proses selepas dari Covid-19. Fungsi projek ini kelak berpotensi untuk dikomersialkan dan dipasarkan secara meluas.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

## **AHLI KUMPULAN**



Atikawati Ahmad Razali (Ketua)

Sazwan

Marzuki Jamilah

Muktarudin Sirat

Cik Nur Sazleena

## **KUMPULAN: AUXI TEAM**

### **TAJUK: AUXI TASK**

### **BIDANG: PENGURUSAN**

### **RINGKASAN PROJEK**

Sejak akhir-akhir ini tugas dan kredibiliti anggota keselamatan sering mendapat tohmahan dan andaian negatif dari kalangan warga kampus/orang awam ketika menjalankan tugas harian. Seringkali ketidakpuasan hati mereka diluahkan pada media elektronik dan tidak kurang juga yang membuat aduan secara rasmi kepada pihak pengurusan UiTM. Antara tohmahan yang dibuat adalah dengan mengatakan sikap anggota keselamatan yang kasar semasa menjalankan tugas dan suka membuat gangguan seksual secara lisan. Anggota keselamatan juga sering didakwa tidak menjalankan tugas rondaan dengan betul semasa bertugas. Hal ini telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap kualiti perkhidmatan serta merendahkan tahap motivasi anggota yang bertugas. Sehubungan dengan itu, kumpulan inovatif dan kreatif auxi team dari pejabat polis bantuan Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar yang diberi tanggungjawab untuk membangunkan sebuah aplikasi telefon pintar sebagai medium alternatif bagi meningkatkan kualiti pasukan keselamatan disamping meningkatkan keyakinan anggota keselamatan semasa menjalankan tugas harian. Aplikasi ini akan dibangunkan melibatkan dua (2) fungsi utama iaitu auxi eye dan i-sps. Auxi eye adalah aplikasi yang disambungkan kepada mini kamera mudah alih dengan menggunakan wifi dan dipakaikan pada setiap anggota bertugas semasa menjalankan tugas rutin. Semua pergerakan dan percakapan akan dirakam dan di simpan di pengkalan data pejabat polis bantuan. Semua pergerakan dan perbualan adalah direkodkan dan boleh dipantau secara langsung oleh petugas bilik gerakan polis bantuan. Sementara aplikasi isps pula digunakan sebagai kaedah alternatif rondaan check point di sekitar kawasan kampus secara atas talian. Setiap check point yang dironda akan direkodkan dan di simpan di pengkalan data dengan menggunakan kaedah "selfie" dan "comment" di lokasi tersebut. Dengan kewujudan 2 aplikasi ini di dalam auxi task, ianya akan dapat membantu mengurangkan kes-kes yang dilaporkan sebelum ini dan akan memberikan keyakinan serta ketelusan setiap anggota yang bertugas. Projek ini juga sedia digunapakai di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA bagi penyeragaman fungsi unit polis bantuan.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar

### **AHLI KUMPULAN**



Kasuadi bin Ariffin (Ketua)  
M Hamil bin Mohamed Yusof  
Maziah binti Muji  
Mohamad Fauzi bin Man  
Razman bin Ramli



## **KUMPULAN: CAKNA**

### **TAJUK: SIDE HUSTLE - PLATFORM DIGITAL UNTUK PENYEDIA PERKHIDMATAN ON-DEMAND**

#### **BIDANG: SOSIAL**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Petunjuk Pencapaian Prestasi atau *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik UiTM2025 di antaranya adalah meningkatkan peratus kebolehpasaran graduan dan graduan usahawan. Untuk mendokong dasar tersebut, seperti mana inisiatif Jobs on Campus, Micro Credential dan MASMED / iCEPS, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang memperkenalkan inisiatif Side Hustle iaitu platform atas talian yang mengetengahkan bakat dan kemahiran di kalangan mahasiswa dan graduan UiTM dalam perkhidmatan on-demand untuk warga UiTM dan komuniti setempat. Apa yang membezakan inisiatif ini dengan inisiatif-inisiatif sedia ada adalah platform Side Hustle ini dijangka bakal mencipta peluang pendapatan sampingan dan pekerjaan yang lebih lestari terutama era pasca COVID-19 di mana bukan sahaja ramai individu yang telah dan akan kehilangan pekerjaan mahupun kekurangan pendapatan, malah peluang pekerjaan juga semakin terhad akibat persaingan yang sengit di kalangan lambakan graduan dan kecenderungan pihak majikan untuk mengambil pekerja yang mampu melakukan pelbagai tugas. Ini dibuktikan dengan hasil kajian daripada McKinsey Global Institute pada 2016 berkaitan Independent Work: Choice, Necessity, and the Gig Economy. Tambahan lagi, ia selari dengan dasar kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan inisiatif memperkasa rakyat yang bekerja dalam sektor ekonomi gig melalui lebih 100 platform atas talian yang berdaftar. Oleh yang demikian, dengan adanya inisiatif ini, mahasiswa dan bakal graduan dapat didedahkan dengan aktiviti pembangunan sendiri yang mengasah kemahiran dan kompetensi mereka dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Secara langsung, kemahiran bekerja dan pembudayaan keusahawanan dapat dipertingkatkan seterusnya menjadi kelebihan kepada mereka setelah tamat pengajian kelak. Projek ini juga mampu membantu mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian menjana pendapatan sampingan untuk menampung yuran pengajian dan perbelanjaan harian mereka seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada sumber kewangan daripada ibu bapa dan pembiayaan pelajaran semata-mata. Selain daripada itu, pendekatan ini adalah sangat bersesuaian dengan kehendak semasa mahasiswa dan bakal graduan Generasi Z yang lebih selesa bekerja secara bebas. Hasil penulisan buku daripada tokoh-tokoh pemikir terkenal seperti Daniel Pink dengan buku beliau *Free Agent Nation: The Future of Working for Yourself*, Seth Godin dengan buku beliau *Linchpin: Are You Indispensable?* dan Chris Guillebeau dengan buku beliau *Side Hustle: From Idea to Income in 27 Days* berkaitan dunia pekerjaan masa hadapan juga turut mengukuhkan lagi validasi idea projek ini. Sehubungan dengan itu, usaha mewujudkan platform Side Hustle ini adalah pada masa yang amat bertepatan dan bersesuaian dengan norma baharu pekerjaan dan perubahan ekonomi semasa yang tidak menentu di mana ia dapat memberi nilai tambah dan impak positif di dalam mendokong agenda Pelan Strategik UiTM2025, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Sustainable Development Goals (SDG).

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang

## **AHLI KUMPULAN**



Mohd Hisyamuddin bin Salleh Nordin (Ketua)

Ahmad Khudzairi bin Khalid

Azinoor Azida bt Abu Bakar

Nor Diyana binti md Sin

Suzainah binti Rahmat

## **KUMPULAN: CIVGU MURNI**

### **TAJUK: PROTOKOL PENILAIAN BERTULIS ATAS TALIAN (PROTOKOL PeBAT20)**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Penilaian bertulis adalah salah satu unsur penilaian kursus dan bertujuan untuk mengukur domain kognitif seseorang pelajar. Kebiasaannya penilaian bertulis terdiri dari ujian dan peperiksaan. Ujian diadakan adalah semasa tempoh semester berjalan, berbeza dengan peperiksaan iaitu pada penghujung semester. Markah Ujian adalah di antara 10 ke 30% daripada keseluruhan penilaian, manakala peperiksaan adalah di antara 40 ke 80%. Ini menunjukkan bahawa penilaian bertulis mempengaruhi sebahagian besar keputusan keseluruhan sesuatu kursus. Oleh yang demikian, penilaian bertulis ini perlu diawasi untuk menjamin supaya tiada unsur-unsur penipuan ketika dijawab oleh para pelajar. Ianya bererti bahawa pencapaian pelajar adalah tanpa unsur-unsur penipuan dan merupakan pencapaian yang sah serta dianggap sebagai atas usaha pelajar itu sendiri semata-mata. Secara konvensional, penilaian bertulis akan dilakukan di dalam dewan atau kelas dan diawasi oleh pengawas. Pengawas terdiri daripada para pensyarah atau staf sokongan. Tugas utama pengawas adalah mengawasi para pelajar daripada melakukan perkara-perkara terlarang di dalam menjawab soalan. Unsur-unsur penipuan yang sering dilakukan adalah membawa dan merujuk nota, meniru dengan melihat kertas jawapan orang lain, membenarkan rakan meniru dan berbincang. Namun begitu, oleh kerana prosedur pengawasan konvensional yang cekap dan teratur telah menyebabkan kesukaran untuk meniru ditambah lagi dengan hukuman yang berat sekiranya ditangkap meniru, hasilnya bilangan kes peniruan adalah sangat rendah. Penularan pandemik Covid-19 menyebabkan penilaian bertulis tidak dapat dijalankan secara konvensional lagi walaupun pada masa yang sama ianya masih harus diteruskan. Salah satu inisiatif yang diambil adalah dengan menukar peperiksaan dengan kerja kursus seperti tugas (projek). Akan tetapi ianya menimbulkan isu di mana tidak semua kursus sesuai dengan pendekatan sebegini dan masih perlu dijalankan secara penilaian bertulis. Walaupun penilaian bertulis masih boleh dilakukan, ianya agak sukar untuk diawasi. Ini disebabkan oleh para pelajar berada di lokasi masing-masing dan tiada pengawasan secara dekat. Akibatnya, membuka ruang yang besar untuk berlakunya unsur-unsur penipuan di dalam penilaian bertulis. Sekiranya perkara ini berlaku, bukan sahaja pencapaian pelajar tidak sah tetapi juga tidak mencerminkan tahap pencapaian sebenar seseorang calon di mana keputusan di dalam sijil akademik tidak sepertimana pengetahuan dan kemahiran mereka. Ianya akan mendatangkan kerugian kepada pihak majikan dan mencemarkan imej universiti. Protokol Penilaian Bertulis Atas Talian (Protokol PeBAT20) dihasilkan untuk mengawal dan mengelakkan berlakunya unsur-unsur penipuan di dalam menjawab penilaian bertulis oleh para calon (pelajar). Protokol PeBAT20 adalah prosedur pengoperasian piawaian yang mana proses-proses disusun dan digabungkan untuk mencegah berlakunya unsur-unsur penipuan ketika penilaian bertulis dijalankan di dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perlaksanaan protokol ini akan mengujudkan suasana penilaian bertulis seolah-olah sepertimana secara konvensional. Bagi melancarkan pelaksanaan protokol ini supaya penilaian bertulis atas talian dapat dijalankan secara sistematik, alat sokongan seperti teknologi ICT terkini turut

dibangunkan dan digunapakai bersama aksesori multimedia. Protokol ini boleh diaplikasikan untuk apa-apa sahaja penilaian bertulis yang tidak memerlukan calon-calon berkumpul di sesuatu tempat serta diawasi oleh pengawas. Pada masa yang sama, penilaian bertulis masih boleh dijalankan tanpa menimbulkan keraguan akan berlakunya perbuataan meniru. Dalam erti kata lain, Protokol PeBAT20 adalah norma baru untuk pengawasan penilaian.

## **NAMA FAKUTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang

## **AHLI KUMPULAN**



Hairol Anuar bin Haron (Ketua)  
Asmawati bint Che Hasan  
Herda Balqis binti Ismail  
Mohamad Rohaizat bin Mohamed Rashid  
Mohamad Hazizi bin Jamal  
Mohd Amran bin Hasbullah  
Mohd Zulkhairi bin Mat Salleh  
Muhammad Farid bin Muhammad Fathullah  
Nazri bin Nasir

## **KUMPULAN: COV\_MAD**

### **TAJUK: KESUKARAN PELAJAR MENDAPATKAN MAKLUMAT SECARA SERAGAM KETIKA PEMBELAJARAN JARAK JAUH (ODL) SECARA ATAS TALIAN KETIKA WABAK COVID-19**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Virus ini ditemui di China pada awal tahun 2020 dan dinamakan sebagai Coronavirus 2019 (COVID-19). Walaupun cara penularan Coronavirus (COVID-19) masih belum dikenalpasti tetapi jangkitan daripada manusia kepada manusia yang lain telah disahkan berlaku. Sehubungan dengan itu, negara Malaysia telah memulakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada semua rakyat Malaysia bermula Mac 2020. Semua jabatan kerajaan, kompleks membeli belah, taman awam dan sekolah-sekolah ditutup secara drastik sehingga Julai 2020. Semasa tempoh ini, pembelajaran mesti diteruskan secara dalam talian oleh semua institusi. Ini merupakan kali pertama di dalam sejarah Malaysia menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara seratus peratus (100%) secara dalam talian. Oleh kerana tiada prosedur yang jelas mengenainya, ramai pengajar terpaksa memilih pelbagai aplikasi sebagai medium menyampaikan ilmu, informasi dan hal-hal berkaitan pengajaran. Di awal tempoh ini, kerap berlaku kekeliruan maklumat, kesilapan tarikh dan kecelaruan informasi. Ini adalah kerana pengajar dan pelajar bukan sahaja mempunyai beberapa subjek lain, tetapi juga mempunyai beberapa medium berlainan untuk mengakses subjek-subjek tersebut. Situasi di rumah yang tidak kondusif, akses internet yang tidak memuaskan, menjaga keluarga yang sakit dan hal-hal peribadi lain menambahkan kelemahan kepada belajar secara dalam talian. Perkara ini harus di atasi dengan segera memandangkan pelajar dan pengajar mempunyai masa yang terhad sebelum berakhirnya semester pengajian. Satu standard prosedur dinamakan POKET SUBJEK COVID-19 diperkenalkan untuk menangani isu kekeliruan dalam penerimaan dan pemberian maklumat antara pensyarah dan pelajar. Ia amat mudah dan ringkas kerana hanya menggunakan medium drive google dan tidak perlu dipasang (install) di komputer atau telefon bimbit. Dengan menggunakan standard prosedur ini, semua informasi dapat disusun secara sistematik bagi memudahkan para pelajar menerima nota, soalan ujian, soalan kuiz, tugasan, laporan makmal, kesemua pautan link yang wajib diketahui dan lain-lain. Bagi pihak pensyarah pula, cara mudah dan sistematik diperkenalkan bagi menyusun kesemua dokumen ujian, kuiz atau laporan makmal pelajar sebelum ditanda dan selepas ditanda. Standard prosedur ini amat berkesan dan dapat mengurangkan hampir seratus peratus kekeliruan pelajar dan pensyarah sepanjang online distance learning (ODL). Terdapat dua kebaruan dalam projek POKET SUBJEK COVID-19 ini iaitu susunan folder dan susunan tugasan pelajar. Susunan folder di dalam drive ini amat membantu pelajar dan pensyarah dalam menerima dan memberi informasi sepanjang semester. Ia boleh dibuka pada bila-bila masa mengikut kelapangan masa pelajar tanpa perlu risau ketinggalan maklumat terdahulu. Susunan tugasan pelajar pula didapati membantu mengesan senarai pelajar yang tidak menghantar tugasan dalam masa yang singkat dan seterusnya membasmi risiko keciciran markah pelajar. Secara keseluruhan, pelajar di dapati berpuas hati dan tenang setelah POKET SUBJEK

COVID-19 diperkenalkan. Ini adalah kerana pelajar dapat menumpukan lebih tumpuan kepada pelajaran memandangkan ratusan perbualan di medium whatapps sudah tidak diperlukan dan berkurangan secara drastik setelah POKET digunakan sejak 14 Mei 2020 sehingga 31 Julai 2020. Ia mengurangkan rasa kegelisahan dalam diri pelajar jika ketinggalan apa-apa maklumat penting. Ia sangat bagus untuk kesihatan mental dan psikologi pelajar yang berkemungkinan dalam keadaan tertekan berikutan situasi pembelajaran jarak jauh yang digunapakai secara tiba-tiba berikutan situasi pandemik Covid-19.

## NAMA FAKUTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

## AHLI KUMPULAN



Nor Monica binti Ahmad (Ketua)

Nor'Aishah binti Hasan

Siti Noor Dina binti Ahmad

## **KUMPULAN: EPSILON**

### **TAJUK: I-COURSE4U**

### **BIDANG: PENGURUSAN**

### **RINGKASAN PROJEK**

Bagi menyokong usaha penganjuran Idea Unggul@UiTM 2020 oleh InQKA, FSG mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu projek yang bertemakan Kebiasaan Baharu Jaminan Kelestarian UiTM yang diterajui kumpulan KIK FSG iaitu Kumpulan Epsilon yang akan merealisasikan hasrat fakulti menyumbang idea dan inovasi dalam pertandingan ini. Kumpulan Epsilon terdiri daripada 8 orang ahli dalam kalangan staf makmal dan Pentadbiran. Berbekalkan pengetahuan dan kemahiran serta kajian yang mendalam terhadap masalah yang timbul, ahli kumpulan telah sebulat suara bersetuju menjalankan satu projek inovasi berimpak tinggi dikenali sebagai Projek i-Course4U. iCourse4U merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan pengendalian latihan dan kursus di FSG. Tujuannya adalah untuk memberi kemudahan kepada staf FSG mengikuti latihan/kursus dengan kaedah yang lebih interaktif, mudah dan pada bila-bila masa sahaja. Projek i-Course4U ini dibangunkan bagi memastikan produktiviti, kecekapan dan kualiti kerja staf FSG berterusan walaupun dalam era Covid-19. i-Course4U mempunyai ciri-ciri yang mudah, fleksible, berkesan dan diperkenalkan tepat pada masanya. Ini kerana i-Course4U merupakan kursus insensif dan interaktif yang mudah diikuti pada bila-bila masa yang meliputi kemahiran dan pengetahuan asas yang perlu ada pada setiap staf. Pembangunan projek i-Course4U bakal memberi impak yang besar kepada pengurusan kewangan universiti apabila pelaksanaan kursus/latihan seperti ini dilihat mampu menjimatkan kos perbelanjaan penganjuran kursus/latihan dan dalam sama yang sama meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf. i-Course4U menyediakan platform untuk mengikuti kursus secara dalam talian. Peserta yang berhasrat untuk mengikut kursus yang disediakan hanya perlu mengakses melalui google form yang disediakan, memilih kursus-kursus yang berkaitan, menonton video (rakaman awal) yang tersedia dan seterusnya menjawab soalan-soalan yang berkaitan bagi menjamin kefahaman peserta terhadap kursus yang diikuti. i-Course4U dilihat lebih berkesan berbanding kursus atau seminar yang dianjurkan secara webinar. Ini kerana i-Course4U menyediakan platform untuk peserta mengulang video yang dipaparkan dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan bagi menguji tahap kefahaman peserta yang mengikuti kursus ini. i-Course4U ini juga mempunyai potensi untuk diperkembangkan penggunaannya kepada para pensyarah dan pelajar serta warga semua kerja UiTM. Ia boleh dikembangkan penggunaannya menjadi satu alat bantuan terutamanya bagi kelas-kelas amali di dalam makmal. Penggunaan i-Course4U oleh para pensyarah dapat membantu pelajar menjadikan platform ini sebagai medium untuk mereka memahami satu-satu kajian sebelum kelas amali bermula atau dijadikan platform untuk mereka mengulangkaji pelajaran mengikut topik-topik yang tersedia tidak kira waktu dan tempat. Kumpulan Epsilon yakin bahawa projek i-Course4U adalah bukti bahawa penambahan ilmu dan kemahiran bukan lagi hanya boleh diperoleh di dalam kelas, bilik seminar dan dewan tetapi diperolehi di mana-mana sahaja menggunakan teknologi yang ada tidak kira masa dan tempat. Ianya juga pasti akan memberi impak besar kepada proses meningkatkan kompetensi warga UiTM dengan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman baharu seterusnya mampu mendepani normal baharu dalam bidang

pengajaran dan pembelajaran kepada seluruh warga FSG khususnya dan seluruh warga UiTM umumnya. Akhirnya, budaya penambahan dan percambahan ilmu secara berterusan harus diwujudkan agar lahirnya warga UiTM yang berilmu, berdisplin, beramanah, rajin dan bertanggungjawab.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

## **AHLI KUMPULAN**



Mohd Azmi bin Mohd Mukhatar (Ketua)  
Azam Azmi bin Jamaluddin  
Julia binti Kassim  
Noor Amira binti Kasim  
Nor Ellina binti Othman  
Roslizawati binti Ishak  
Siti Aisyah Bt Abdul Latiff  
Yuslinawati binti Mod Yusoff



## **KUMPULAN: CIVTEX**

### **TAJUK: SAFE-RIDE**

### **BIDANG: SOSIAL**

## **RINGKASAN PROJEK**

Pengangkutan awam seperti bas merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh pihak UiTM kepada para pelajar UiTM bagi memudahkan perjalanan di dalam dan luar kampus. Walaubagaimanapun, disebabkan pandemik covid-19, perkhidmatan bas UiTM terpaksa ditangguhkan kerana kluatir terhadap kemungkinan tinggi penyebaran virus covid-19 di dalam bas yang boleh menjejaskan kesihatan pemandu dan penumpang bas. Sehubungan dengan itu, projek safe-ride diperkenalkan bagi memastikan perjalanan yang disediakan lebih selamat, tanpa risau dan terkawal daripada pandemik covid-19. Projek ini melibatkan beberapa alatan sokongan seperti sistem ict dan aksesori yang akan dilengkapi pada bas iaitu aplikasi mobil yang digunakan oleh pelajar untuk membuat penempahan bas, pengesan bilangan penumpang, paparan jumlah penumpang bagi mengehadkan pengambilan penumpang mengikut yang ditetapkan, pengimbas kad matrik pelajar untuk mengimbas nombor matrik pelajar yang telah membuat tempahan dan dipaparkan pada skrin di hadapan pemandu, pengimbas suhu penumpang bagi mengimbas suhu pelajar/pengguna yang menaiki bas, pembersih tangan dan kasut, dan pemantauan jarak selamat di dalam bas oleh pemandu bas dimana pelajar hanya dibenarkan duduk di kerusi yang tidak bertanda (X) serta terdapat cermin besar di hadapan pemandu bas bagi tujuan pemantauan kedudukan penumpang bas. Objektif projek ini adalah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pemandu dan juga penumpang bas UiTM, mewujudkan rasa selamat di dalam diri setiap pemandu dan penumpang bas UiTM, membendung virus covid-19 di kalangan pemandu dan penumpang bas UiTM, dan melahirkan staf dan pelajar UiTM yang sentiasa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Sistem ini juga diwujudkan untuk memastikan semua maklumat penumpang disimpan bagi tujuan saringan sekiranya terdapat penumpang yang dijangkiti covid19 selepas menaiki bas. Para pelajar juga tidak perlu beratur dengan lama kerana mereka hanya perlu mengimbas kad matrik sahaja tanpa perlu menulis nama dan maklumat lain di atas kertas. Diharapnya dengan pengenalan projek ini, perjalanan menggunakan perkhidmatan bas UiTM oleh pelajar adalah tanpa perlu merasa bimbang akan pandemik covid-19 ini.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

## **AHLI KUMPULAN**



Ainamardia binti Nazarudin (Ketua)

Ahmad Rasidi bin Osman

Aminuddin bin Ab Latif

Duratul Ain binti Tholibon

Farah Wahida binti Mohd Latib

Mohd Razmi bin Zainudin

Nur'Ain binti Mat Yusof

Rohaya binti Alias

Wan Zikri Bin Wan Abdullah

## **KUMPULAN: I-CLIQUE**

### **TAJUK: KESUKARAN PENGGUNA MENCAPAI MAKLUMAT DI PERPUSTAKAAN**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Pengguna perlu hadir ke kaunter perkhidmatan perpustakaan, Pusat *IT & E-Resources Center* setiap kali ingin mengetahui maklumat mengenai perpustakaan. Walaubagaimanapun waktu operasi perpustakaan adalah terhad sehingga pukul 11.45 malam. dimana sebelum ini, perpustakaan beroperasi selama 24 jam. Selain itu, terdapat aduan dan maklumbalas pelanggan PTAR dari Unit Komunikasi Korporat dimana, pengguna tidak dapat mengakses pangkalan data atas talian dan menyebabkan pengguna tidak selesa kerana perlu datang ke perpustakaan. Projek ini merupakan keupayaan web yang boleh dicapai melalui *mobile device*. Aplikasi mudah alih ini disediakan bagi memudahkan cara proses penyampaian maklumat kepada pengguna dimana jua mereka berada. hasil membolehkan pengguna memuat turun aplikasi daripada *Apple Apps Store* dan *Google Play*. *UiTM Library Mobile Apps* ini juga memudahkan pengguna untuk mencapai maklumat perpustakaan dengan lebih pantas. punca utama masalah 1.perlu peranti ict 2.jauh dari perpustakaan 3.waktu operasi perpustakaan terhad 4.atas talian. Cadangan penyelesaian inovatif dan kreatif 1.membangunkan aplikasi oleh kepakaran kumpulan 2.merekabentuk pangkalan data 3.mewujudkan attributes bagi field kategori data. Antara ciri-ciri *UiTM Library Mobile apps* adalah 1.boleh di akses di mana-mana. 2.menu paparan lebih kemas dan teratur 3.aplikasi web 4.mesra pengguna 5.memudahkan pengguna mengetahui maklumat perpustakaan 6.*UiTM Library Mobile App* menekankan elemen IR 4.0. Pencapaian projek & penciptaan nilai 1.memastikan pengguna boleh mencapai maklumat perpustakaan, melalui telefon bimbit bermula september 2019 dan ia terbukti 100% tercapai 2.memenuhi keperluan hala tuju IR 4.0 3.menyokong digital kampus 4.menyokong *Open And Distance Learning (ODL)* 5.merealisasikan amanat naib canselor dan ketua pustakawan bagi memperkasakan PTAR sebagai *digital library* 6.penjimatkan kos sebanyak RM296,128.80 sen 7.mengoptimumkan penggunaan sumber. Sumbangan projek kepada jabatan 1.prestasi dan perkhidmatan yang berkualiti disamping menjamin sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan yang cepat, cekap, tepat dan berkesan. 2.meningkatkan presepsi positif pengguna terhadap sistem perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan. 3.menjimatkan masa semasa proses pencarian maklumat perpustakaan dan kepuasan hati pelanggan amat diutamakan. 4.teknologi adalah penyokong utama kepada perlaksanaan ict jabatan yang lebih cekap dan efisien. rumusan projek 1. merealisasikan perpustakaan ke arah digital 2.maklumat di perpustakaan dapat dicapai dengan cepat dan mudah 3.membantu mencapai objektif kualiti iaitu memastikan tahap kepuasan hati pelanggan mencapai sekurang-kurangnya 90%. 4.membantu meningkat imej jabatan.

## **NAMA FAKUTI, JABATAN DAN KAMPUS**

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam

## **AHLI KUMPULAN**



Wan Noor Sazidah binti Wan Fauzi (Ketua)

Mohd Azrry bin Zakaria

Mohd Farid bin Mohamed Said

Nur Azini binti Azman

Nur Fatin Nadia binti Mohamed Nadzri

Nur Lian binti Abd Halid

## **KUMPULAN: IM-VATIVE**

### **TAJUK: PROSES PENGURUSAN KETIDAKHADIRAN PELAJAR LAMBAT**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Mengikut Peraturan Akademik UiTM bagi Pelajar Diploma dan Ijazah (Pindaan 2017) menyatakan bahawa pelajar diwajibkan untuk menghadiri semua kuliah dan aktiviti akademik yang telah dijadualkan. Kegagalan mencapai minimum 80% kehadiran boleh menyebabkan pelajar diberikan status ZZ (Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir atau markah penilaian bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir tidak diambil kira). Pun begitu, terdapat 20 orang pelajar Diploma Pengurusan Maklumat tidak hadir ke kuliah seperti yang telah ditetapkan oleh Fakulti pada Semester September 2019 - Januari 2020. Justeru itu, pensyarah perlu membuat laporan kepada KPP dan kemudian menghantarnya pula kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik untuk diambil tindakan. Namun, disebabkan prosesnya dilakukan secara manual, telah mengakibatkan kelewatan untuk memberi nasihat, peringatan pertama, peringatan kedua, dan dibawa ke Tatatertib. Oleh itu, IM-Vative telah membuat kajian, mereka bentuk dan membangunkan sebuah sistem yang dinamakan Smart Attendance Management System (SAMS) untuk membantu pensyarah merekodkan kehadiran pelajar, membuat pelaporan ketidakhadiran, pemberitahuan kepada pelajar, ibu bapa @ penjaga, dan Bahagian Hal Ehwal Akademik secara automatik. Smart Attendance Management System (SAMS) dikembangkan menggunakan pangkalan data PHP, HTML5, JQuery, CSS3, dan MySQL pengaturcaraan sumber terbuka. Proses pembangunan SAMS mengikut pendekatan Rapid Application Development (RAD). Hasilnya, kajian ini memperkenalkan idea baru Generator YY-ZZ, dan prosedur baru proses ZZ. Prototaip SAMS dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan boleh dikomersialkan sebagai produk perisian dan aplikasi mudah alih. Pelanggan yang berpotensi adalah universiti, sekolah, NGO, dan agensi kerajaan. Prototaip SAMS boleh dimuat turun dari Google Play Store dan dapat diakses melalui web. Antara Keunikan SAMS adalah seperti 1. Common Students Attendance Records Gateway (CSARG) membolehkan perkongsian rekod kehadiran pelajar dalam kalangan pemegang taruh bagi sesuatu institusi pendidikan. 2. Pemantauan YY-ZZ : membolehkan automasi status YY selepas pelajar tidak hadir melebihi 10 hari. 3. 3 Ways Information Gateways (3WIG) Emel notifikasi ketidakhadiran secara automatik kepada tiga pihak iaitu pelajar, pensyarah dan ibu bapa atau penjaga. 4. Meningkatkan proses aliran pengurusan ketidakhadiran dengan memperkenalkan status V1 dan V2, status YY atau XX secara automatik, surat amaran dan sebagainya. 5. Attendance Absenteeism Index (AAi) diperkenalkan bagi mengukur skala ketidakhadiran pelajar dalam bentuk indeks. 6. Virtual Student Card (VSC) diperkenalkan bagi menggantikan senarai kehadiran yang manual. 7. Records Performance Index (RP-X) - skala yang diperkenalkan untuk mengukur kebolehpercayaan rekod kehadiran pelajar selaras dengan peruntukan Akta Arkib Negara Malaysia 2003.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang

## AHLI KUMPULAN



Mohd Zafian bin Mohd Zawawi (Ketua)

Faizal Haini bin Fadzil

Haslinda binti Abdul Hamid

Huda binti Hamidon

Izzatil Husna binti Arshad

Mohamad Rahimi bin Mohamad Rosman

Noor Masliana binti Razlan

Noor Rahmawati binti Alias

Nor Kamariah binti Chik

Nurulannisa binti Abdullah

Salliza binti Md Radzi

## **KUMPULAN: I-DIMENSI**

### **TAJUK: PROSES MENGHAFAK SURAH YASSIN DI KALANGAN PELAJAR**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Kod CTU101 atau dikenali dengan nama Kursus Prinsip-prinsip asas Islam merupakan kursus wajib bagi para pelajar diploma di Universiti Teknologi MARA. Salah satu objektif yang digariskan untuk kursus ini ialah menerapkan kemahiran membaca, menghafaz dan menganalisis al-Quran. Kursus ini mewajibkan para pelajar agar menghafal Al-Quran Surah Yaasin Ayat 1-20. Namun, berdasarkan kajian didapati 70% daripada pelajar lambat untuk menghafal ayat tersebut kerana tidak tahu membaca Al-Quran, tidak tahu hukum tajwid dan tidak dapat menyebut huruf dan ayat dengan betul. Salah satu faktor masalah tersebut terjadi adalah disebabkan sebilangan pelajar tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan dengan betul. Oleh itu, Kumpulan I-Dimensi ACIS UiTM Cawangan Kelantan telah mereka bentuk dan membangunkan sebuah perisian mudah alih yang dinamakan Easy Surah bagi membantu pelajar menghafal ayat-ayat Al-Quran dengan mudah dan cepat termasuk mengetahui maksud ayat serta terdapat juga doa-doa harian yang boleh dihafal dan dipelajari oleh para pelajar dan pengguna. Antara faedah projek Easy Surah ini adalah keperluan peruntukan bagi tujuan pembangunan projek hanya sebanyak RM2,000 sahaja berbanding jika dibangunkan oleh syarikat luar sebanyak RM49,000 iaitu penjimatan dari sudut kos operasi pembangunan projek iaitu sebanyak RM47,000. Manakala apps Easy Surah ini juga dapat menjimatkan tempoh masa operasi pelaksanaan sebanyak 1 jam. Easy Surah memberi impak terhadap pemegang taruh, IPTA dan IPTS, serta peringkat negara dan antarabangsa. Disamping itu, projek ini berpeluang untuk dipatenkan, dikomersialkan, kesediaan untuk digunakan di seluruh cawangan UiTM serta dapat menjana ekonomi UiTM dari sudut pendapatan hasil daripada penggunaan Easy Surah oleh masyarakat iaitu melalui bayaran kos sebanyak RM5/apps bagi setiap pelanggan apps Easy Surah. Hasil daripada dapatan analisa kepuasan pelanggan mendapati Easy Surah memberi peningkatan dari sudut kepuasan pelanggan dalam aspek penjimatan masa serta memudahkan pelajar melaksanakan hafazan pada waktu yang fleksibel. Kesimpulannya, penggunaan apps Easy Surah ini dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran bacaan serta hafazan kepada pelajar UiTM serta boleh digunakan juga oleh pelajar-pelajar IPTA dan IPTS serta masyarakat awam.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang

## **AHLI KUMPULAN**



Mohd Khairul Anuar bin Ismail (Ketua)  
Noor Saliza binti Zainal  
Nor Asmira binti Mat Jusoh  
Nurul Hidayah binti Awang @ Ab Rahman  
Nurul Izzah binti Noor Zainan  
Zanirah binti Mustafa



## **KUMPULAN: INNO SQUAD**

### **TAJUK: CONTACTLESS PORTABLE SHIELD (C.P.S)**

#### **BIDANG: SOSIAL**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Kumpulan Inno Squad telah ditubuhkan pada 30 Julai 2020 dan terdiri daripada 4 orang ahli dan seorang fasilitator. Diketahui oleh Frannelya anak Francis, ahli-ahlinya adalah Mohd Yazid Mohd Anas Khan, Evie Sendi Ibil, Squiter Macroy Anak Wilsom Mukan dan fasilitatornya, PM Dr Abdul Rahman Saili. Projek yang ingin dihasilkan telah diberikan nama sebagai contactless portable shield (c.p.s) atas perbincangan dan persetujuan bersama. Projek ini terhasil daripada beberapa permasalahan yang dilihat pasca pandemik covid-19. Pandemik covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia telah menyedarkan orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan diri dan pemeriksaan kesihatan. kelihatan di premis-premis kerajaan, swasta dan perniagaan telah mula menjalani norma baru seperti penjarakan sosial, pemeriksaan suhu badan dan sanitasi tangan. Namun amalan baru ini seperti pemeriksaan suhu badan dan sanitasi tangan dilihat kurang efektif kerana masih berupaya menyebarkan dan meningkatkan risiko jangkitan. Hal ini kerana kontak fizikal di antara pengguna dan peralatan tersebut mengakibatkan isu kebersihan alat pengesan suhu dan sanitasi tangan menjadi persoalan. selain daripada itu, ia juga melibatkan lebih tenaga kerja untuk melaksanakan amalan baru ini. antara isu-isunya adalah menyentuh alat pengesan suhu secara manual yang tidak dibersihkan secara kerap atau tidak pernah dibersihkan meningkatkan risiko jangkitan kerana sesiapa pun boleh memegangnya; pengesan suhu secara automatik masa kini iaitu infrared kurang mesra pengguna kerana bersifat statik dan tidak dapat dilaraskan mengikut ketinggian pengguna; sentuhan kepada bahagian atas penekan botol cecair sanitasi yang tidak pernah dibersihkan meningkatkan risiko jangkitan dan ada juga individu yang tidak mahu menggunakannya kerana tidak mahu menyentuhnya; pengguna juga perlu menulis nama di dalam buku rekod yang mendedahkan mereka kepada risiko jangkitan dengan berkongsi pen dan sentuhan di buku rekod terutama bagi pengguna yang tidak menggunakan kod QR; kos gaji pekerja tambahan meningkat dan bagi pekerja sedia ada, beban kerja bertambah kerana perlu sentiasa peka dan bergegas ke depan premis untuk mengambil suhu pelanggan, memastikan pelanggan merekod suhu dan butiran diri serta menggunakan cecair sanitasi tangan. oleh itu, sebuah alat mudah alih, tanpa sentuh, yang boleh membantu mengurangkan kos pengambilan pekerja baru dan beban pekerja sedia ada selain dapat membantu mengurangkan risiko jangkitan akibat kurangnya penekanan pada aspek sanitasi tangan sebelum dan selepas berurusan di kebanyakan premis ditambahbaik. alatan 3-in-1 yang ditambahbaik ini menonjolkan aspek pengesan suhu yang fleksibel, pelarasan secara automatik mengikut ketinggian, dilengkapi dengan alarm dan suara sebagai amaran kepada pemilik premis apabila suhu tidak normal didapati; pedal untuk ditekan oleh kaki agar cecair sanitasi tangan keluar terus ke tapak tangan serta paparan imbasan kod bar yang bersambung dengan sistem komputer premis bagi tujuan rekod. Projek ini boleh mendatangkan banyak faedah kepada pengguna kerana ianya mudah dibawa ke mana-mana, mudah digunakan, menjimatkan kos operasi sebanyak 80% kerana tidak memerlukan petugas di pintu masuk dan hanya memerlukan pemantauan dari jauh, menjimatkan masa sebanyak 30% daripada 5 minit bagi setiap pengguna untuk keseluruhan proses; dan pengguna akan lebih selesa dan yakin apabila

menggunakannya kerana tidak perlu risau akan isu kebersihan alatan. Kumpulan Inno Squad dengan ini berharap agar inovasi projek ini dapat direalisasikan dan digunapakai di mana-mana dalam usaha mengadaptasikan diri kepada norma baru pasca covid-19.

### **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

### **AHLI KUMPULAN**



Frannelya Anak Francis (Ketua)

Evie Sendi Ibil

Mohd Yazid bin Mohd Anas Khan

Squiter Macroy Anak Wilsom Mukan

## **KUMPULAN: MIM UiTM PAHANG**

### **TAJUK: STUDENT APPLICATION LETTER IN CLOUD (STALIC)**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Serangan Covid-19 yang dikategorikan sebagai pandemik telah memberi impak yang sangat besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan di seluruh negara termasuk Malaysia. Manakala, di bahagian pengurusan dan pentadbiran UiTM, segala urusan juga perlu diteruskan dan dilakukan secara atas talian termasuklah operasi jabatan, mesyuarat dan latihan kepada staff. Ini termasuk keperluan surat untuk membuat permohonan bantuan kewangan yang sangat penting kepada pelajar untuk meneruskan pengajian. Kelewatan pengeluaran surat pengesahan pelajar daripada HEP ini, memberi kesan kepada permohonan pelajar untuk mendapatkan bantuan kewangan atau aktiviti pembelajaran yang melibatkan pihak industri. Oleh itu, melihat kepada tren perkhidmatan atas talian yang dapat menyelesaikan dan melancarkan pelbagai proses dan aktiviti, Student Application Letter in Cloud (StALIC) telah dicipta untuk memudahkan dan menjimatkan masa dan kos organisasi dalam proses penyediaan surat pengesahan pelajar dengan bantuan cloud storage yang bersifat measra pengguna, mudah dicapai, mudah diselenggara serta cepat dan mampu menjimatkan kos. Sebelum sistem ini dibangunkan, alternatif lain yang dipertimbangkan untuk menyelesaikan masalah dalam penyediaan surat pengesahan pelajar adalah penyediaan borang secara atas talian. Walaubagaimanapun kaedah ini hanya menyelesaikan masalah pelajar tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah staff yang memerlukan masa untuk menyediakan surat pengesahan pelajar. Sehubungan dengan itu, StALIC diwujudkan untuk memproses surat yang berkaitan dengan pelajar seperti surat pengesahan pelajar, status penajaan pelajar, dan sebagainya. StALIC ini juga sesuai digunakan di mana-mana jabatan yang menguruskan pemprosesan surat kepada pelanggan yang ramai. Dengan adanya (StALIC), pemohon boleh terus mendapatkan borang melalui imbasan kod QR, mengisi borang permohonan secara atas talian, surat akan di proses secara automatik berdasarkan butiran yang diisi, dihantar melalui e-mail dan di cetak sendiri oleh pemohon. Kesimpulannya, StALIC dapat menyumbang kepada pencapaian perancangan strategik UiTM 2025 iaitu mencapai prestasi berasaskan nilai di mana melalui sistem ini tadbir urus yang tangkas, kampus pintar dan kewangan lestari dapat dilaksanakan secara serentak.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

## **AHLI KUMPULAN**



Siti Aishah binti Mohamad (Ketua)

Eily binti Azer

Helmy Amyrul bin Ahmad

Mat Huzaini bin Abdul Talib

Mohd Norafizal bin Abd Aziz

Norhafizah binti Ramli

## **KUMPULAN: MULTI PERFECT**

### **TAJUK: SISTEM PERMOHONAN PLAN ( E-PLAN )**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Projek ini merupakan usaha sama semua pihak di dalam Kumpulan KIK untuk menambah baik pengurusan rekod serta perjalanan semua tugas yang dilaksanakan dalam unit pengurusan projek UiTM Cawangan Perak. Tugas kerja di Unit pengurusan projek adalah terdiri dari tugas merekod dan menyediakan permohonan plan kerja dan tugas yang dahulunya dilakukan secara manual, yang melibatkan pelbagai borang yang perlu diisi untuk membuat permohonan tugas, papan pergerakan staf yang perlu diselia untuk mengetahui maklumat tugas, mesyuarat yang perlu dihadiri untuk membincangkan isu yang timbul semasa tugas dan laporan yang perlu ditulis serta dimasukkan ke dalam pelbagai fail selepas melakukan sesuatu tugas; kini, hanya satu sistem yang digunakan akan mentadbir urus segala proses kerja dari mula hingga akhir dengan mudah menggunakan e-PLAN. Cadangan penyelesaian kepada permasalahan tersebut ialah diwujudkan sistem baru berasaskan atas talian yang dikenali sebagai Sistem ONTIME yang mempunyai 4 subsistem yang terdiri dari Sistem Permohonan, Sistem Papan Maya, Sistem Laporan dan Sistem Producteev. Tunggak utama kepada portal ONTIME ialah sistem Producteev di mana semua kerja-kerja direkodkan dan dikemaskini. Staf terbabit juga boleh mendapat makluman dan memberikan maklum balas tentang tugas yang dilakukannya dari masa ke semasa. Sistem ini dipilih berdasarkan faktor kos yang rendah, mudah difahami dan ianya stabil digunakan. Sistem ONTIME boleh di akses melalui 3 cara iaitu melalui portal, email dan aplikasi mobile. Sistem ini juga telah berjaya mencapai sasaran projek iaitu sebanyak 91% dan mencapai penjimatan sebanyak Penggunaan Sistem ONTIME ini, secara keseluruhannya telah berjaya menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti dan tahap fokus staf yang lebih efisien dalam menjalankan tugas yang diberi setiap hari. Pihak pengurusan pula memanfaatkan Sistem ONTIME ini dalam pemantauan pergerakan dan aktiviti tugas yang telah diberi kepada staf supaya beban kerja yang diberikan adalah seimbang dengan keperluan organisasi. Malah, masa untuk persediaan sebelum sesuatu tugas yang akan dilaksanakan, perbincangan semasa tugas dan selepas dapat dikurangkan dengan begitu ketara.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar

## **AHLI KUMPULAN**



Mohamad Syahidi bin Samsuri (Ketua)

Ahmad Khushairi bin Mohd Yusoff

Jhairul Amali bin Abu Hassan

Mohd Rizal bin Ahmad Khalil

Nor Aziah binti Arsad

Sazali bin Dzaimudin

## **KUMPULAN: OHIM**

### **TAJUK: INOVASI PEMURNIAN SISTEM PEMARKAHAN PEMBELAJARAN STUDIO**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Jabatan Seni Halus UiTM terdapat di Shah Alam, Perak, Kelantan, Melaka dan Sarawak. Kursus-kursus yang ditawarkan dalam Jabatan Seni Halus merangkumi subjek yang bersifat studio dan bengkel. Outcome dari subjek ini akan menghasilkan karya mengikut apa yang terkandung dalam silibus. Akan tetapi pembahagian markah masih lagi bersifat subjektif yang mana kepercayaan diberikan kepada pensyarah yang mengajar. Bagi mengimbangi pemberian markah oleh pensyarah, Penilaian projek akhir perlu dinilai oleh banyak pensyarah bagi mengelakkan isu berat sebelah atau bias. Hal ini tertakluk dalam Polisi Akademik UiTM (2015) yang memerlukan penilai luar atau penilai pertama (sama ada penilai luar atau dalaman) dalam proses penilaian projek atau karya. Oleh yang demikian, pihak Koordinator Program telah memutuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Silibus AD118 untuk melantik semua pensyarah dalam Jabatan Seni Halus untuk menilai projek atau karya akhir pelajar pada setiap semester. Namun begitu, kaedah tradisional yang diamalkan adalah melalui: 1. Pensyarah Jabatan Seni Halus (selain daripada yang mengajar kursus akhir) dilantik sebagai Penilai Pertama 2. Template Rubrik Pemarkahan (bagi markah 40%) di cetak mengikut jumlah pensyarah Jabatan Seni Halus (24 Pensyarah) 3. Setiap pensyarah akan menilai dan mengisi markah secara manual didalam template rubrik pemarkahan yang disediakan 4. Satu mesyuarat markah diadakan untuk membuat keputusan bersama 5. Setiap markah pensyarah yang menilai akan ditulis diatas papan putih dan keputusan akan dibuat melalui senarai markah tersebut Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan proses penilaian diatas: 1. Masalah Cetakan: Template rubrik pemarkahan perlu dicetak mengikut a) jumlah pelajar (contoh 100 pelajar = 100 helai template) dan b) jumlah pensyarah (24 pensyarah = 24 set template rubrik pemarkahan) 2. Masalah Mengambil Masa Yang Lama: a) Memerlukan masa yang lama untuk menulis keputusan penilaian setiap pensyarah (24 pensyarah) diatas papan putih; b) Sesi mesyuarat untuk keputusan bersama terhadap penilaian terpaksa mengambil masa lebih dari dua hari; dan c) Keputusan bersama dibuat terpaksa menunggu untuk menyenaraikan markah ditulis satu per satu diatas papan putih. Berdasarkan situasi tradisional diatas, satu usaha penambahbaikan untuk menjadikan proses penilaian projek atau karya akhir yang lebih efisien perlu dibuat. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan pendekatan teknologi dalam menambah-baik proses penilaian ini.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar

## **AHLI KUMPULAN**



Mohd Fawazie bin Arsad (Ketua)  
Azian binti Tahir  
Juliawati bt Haji Md Zain  
Noor A'yunni binti Muhamad  
Noor Enfendi bin Desa  
Nur Adibah Nadiah binti Mohd Aripin  
Syed Alwi bin Syed Abu Bakar



## **KUMPULAN: ONE HEART**

### **TAJUK: SISTEM PENGURUSAN AKTIVITI KOLEJ**

#### **BIDANG: SOSIAL**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Setiap aktiviti kolej yang diadakan di Kolej Kediaman di Institusi Pengajian Tinggi adalah penting kepada para pelajar terutama yang menginap di kolej kediaman yang disediakan kerana ia dapat menjalinkan hubungan sesama pelajar disamping dapat meningkatkan proses pembangunan dan pergaulan pelajar antara satu sama lain. Pelajar akan diberikan Kupon Aktiviti Kolej dalam setiap aktiviti kolej yang mereka hadiri bagi menggalakkan pelajar untuk menyertai program kolej. Kupon pelajar ini berguna untuk melayakkan pelajar terus tinggal di kolej pada semester akan datang sekiranya kupon yang mereka kumpul mencukupi kuota ditetapkan oleh pihak kolej. Namun begitu, UiTM masih mengamalkan pemberian kupon secara manual di mana pelajar perlu mengisi borang aktiviti yang dicetak diatas kertas untuk rekod kehadiran dan mendapat kupon aktiviti yang bercetak. Ini boleh menyebabkan rekod kehadiran yang disimpan tidak disusun dengan sistematik dan boleh mengakibatkan maklumat yang diperolehi hilang dan sukar diperolehi kembali. Bagi pelajar pula, kebarangkalian kupon aktiviti yang diperolehi mereka akan hilang atau dicuri oleh orang lain adalah tinggi kerana kupon yang diberikan adalah dalam saiz kertas yang kecil dan tidak mempunyai nombor siri menyebabkan kupon itu mudah hilang. Oleh yang sedemikian, pembangunan Sistem Pengurusan Aktiviti Kolej secara Bersepadu perlu diwujudkan bagi menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar dan pengurusan kolej. Penggunaan Bar Code Scanner untuk merekod maklumat pelajar ke dalam sistem ini akan lagi memudahkan pihak pengurusan program merekodkan kehadiran pelajar serta mendapat maklumat yang tepat berbanding secara manual. Sistem Pengurusan Aktiviti Kolej ini dibangunkan bagi menggantikan kaedah manual yang digunakan sekarang. Kewujudan sistem ini dipercayai dapat menyelesaikan masalah pengurusan rekod yang tidak sistematik dan masalah kehilangan dokumen. Maklumat dan data yang diperolehi juga dapat disimpan dengan selamat. Statistik mengenai setiap penganjuran program kolej juga boleh diperolehi dengan mudah dan cepat dengan penggunaan sistem ini berbanding sebelum ini, dimana pihak penganjur program perlu mengambil masa yang lama untuk mengira kehadiran peserta secara manual melalui rekod kehadiran yang ditulis oleh peserta menyebabkan kemungkinan data yang diperolehi tidak tepat. Bagi pelajar pula, dengan penggunaan sistem untuk merekod kehadiran serta merit kehadiran mereka, mereka tidak perlu lagi mengumpul kupon secara manual serta tidak perlu risau tentang kehilangan kupon mereka kerana sistem ini telah membantu menyimpan data mereka untuk setiap program yang dihadiri. Selain itu, sistem ini berpotensi untuk digunapakai di seluruh sistem UiTM pada masa hadapan.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau

## **AHLI KUMPULAN**



Ikhwan bin Mohamed (Ketua)  
Ahmad Nizan bin Mat Noor  
Ahmad Yusri bin Dak  
Mohd Izwan bin Mohd Azman  
Muhammad Najib bin Mohd Redzwan  
Nor Azrina binti Kasim

## **KUMPULAN: NORTH PEARL '20**

### **TAJUK: KEKURANGAN PENUTUP MUKA (FACE SHIELD) UNTUK PETUGAS DI BARISAN HADAPAN BAGI MEMBANTU MANGSA COVID-19**

#### **BIDANG: SOSIAL**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID19) secara global telah menghampiri tempoh setahun. Walaupun segala langkah pencegahan diambil bagi membendung penularan ini, namun kes-kes baharu tetap meningkat saban hari di serata dunia sehingga mencecah ke angka 29 juta. Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Majlis Kesejahteraan Negara (MKN) memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah ini, disamping barisan hadapan seperti kakitangan hospital, tentara, polis dan jabatan angkatan pertahanan awam turut sama menolong untuk memastikan keselamatan rakyat Malaysia. Atas rasa tanggungjawab, projek pembuatan penutup muka (faceshield- FS) dibangunkan oleh staf UiTM bertujuan membantu barisan hadapan. Proses pembuatan penutup muka ini terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa pembuatan dan fasa pembersihan serta pembungkusan. Fasa pembuatan terbahagi kepada dua kaedah penyediaan FS iaitu dengan menggunakan teknologi mesin 3D printer (3DP) dan Injection moulding (IM), dan fasa pembersihan. Bahan mentah yang digunakan bagi 3DP adalah Acrylonitrile Butadiene Styrene (ABS) dan Polylactic Acid (PLA) manakala bagi IM adalah Polypropylene (PP). Pembuatan menggunakan IM telah ditambah baik rekabentuknya dimana masa dan bahan mentah PP dapat dikurangkan sebanyak 62% dan 10%. FS ini akan dibersihkan dengan bahan kimia sodium hypochloride untuk dinyah-kuman sebelum dibungkus untuk proses edaran bagi pengguna berhampiran dan pengeposan bagi pengguna yang jauh. Dalam projek ini, mementingkan kaedah yang digunakan bagi memastikan FS ini dapat diedarkan dengan segera dan selamat kepada semua barisan hadapan. Kelebihan FS ini dapat diguna semula dengan menanggalkan bahagian plastik hadapan dan digantikan plastik yang baru. Selain itu, harganya yang murah dan mudah untuk diselenggara adalah keistimewaan produk ini. Kebanyakan FS yang telah siap di bungkus diedarkan kepada semua pengguna iaitu petugas-petugas di hospital, balai polis, sekolah-sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia. Maklumbalas pengguna menyatakan FS yang diperbuat amatlah selasa dan mudah digunapakai serta ringan. Tindakan selanjutnya adalah dengan memasarkan FS kepada peringkat lain seperti Jabatan Awam dan Swasta bagi menjana pendapatan universiti dalam tindakan pencegahan penularan penyakit Covid19.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh

## AHLI KUMPULAN



Aina Syahidah binti Mohd Rodzi (Ketua)

Abdul Rahman bin Hemdi

Amir Shahrul bin Ishak

Dzullijah binti Ibrahim

Lesairuamin bin Leiahs

Mohamad Irwan bin Yahaya

Mohd Noor bin Mohamud

Mohd Ridzuan bin Ramli

Muhammad Amin bin Ahmad Zaki

## **KUMPULAN: PAPIT**

### **TAJUK: COVID-19 TRACKER**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

*Mobile application system has become a daily necessity, simplifying tasks and matters with its existence. Like the rest of the world, Malaysia, too, could not escaped from falling victim to the deadly Covid-19 pandemic. The Malaysian government has proactively carried out the Movement Control Order (MCO) in effort to curb the spread of the virus in Malaysia. Furthermore, the Enhanced Movement Control Order (RCMO) were strictly enforced on the worst affected area and listed as the red zones. Nevertheless, there are new cases reported in new areas, believed to brought in by Covid-19 carrier(s) from the red zones. Returning Malaysians from foreign countries are also the main contributors to Covid-19 positive cases in Malaysia and the possibility for these returnees failing to adhere to the mandatory home quarantine order make the situation more worrisome. The inefficiency in the current data collecting system and the returnee's status are the main cause of the stated concerns. On that account, the main purpose for the proposal to build an integrated application named as COVID Tracker in collecting the data on those who are at higher risk of being infected with COVID-19 and track the movement and whereabouts of COVID-19 high-risk individual. The produced application will be beneficial to avoid the virus from spread. Only by rapid identification and tracking movement of these high-risk individuals whenever they are in public areas will allow the curbing of the spread of this deadly virus, Covid-19, in Malaysia. COVID Tracker application will be installed during COVID-19 test for all COVID-19 high-risk individuals from the red zones and oversea returnees. The movement tracking will start operating on the first day of installation until day 14. After that, this COVID Tracker will be automatically deactivated. The data history will be kept & remain in the database system for future reference.*

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau

## **AHLI KUMPULAN**



Wan Izhan Nawawi bin Wan Ismail (Ketua)

Mohammad Hafiz bin Ismail

Siti Sarina binti Sulaiman

Tajul Rosli bin Razak

## **KUMPULAN: PETABYTE**

### **TAJUK: KESUKARAN UNTUK MEREKOD KEHADIRAN STAF YANG BEKERJA DARI RUMAH SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) AKIBAT PANDEMIK COVID-19**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Berikutan pandemik covid-19, perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dikenakan oleh pihak kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020. Sehubungan itu, selaras dengan arahan kerajaan pejabat pendaftar UiTM pada 30 Mac 2020 telah mengeluarkan garis panduan mengenai panduan bekerja dari rumah (BDR) bagi staf UiTM dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), "perkara 4.2 pemantauan bekerja dari rumah". Atas arahan rektor UiTM CPP, bahagian infostruktur UiTM CPP diminta untuk menambatkan sistem kehadiran (e-attendance) sedia ada dengan membangunkan satu sistem untuk kegunaan pemantauan staf UiTM Cawangan Pulau Pinang yang bekerja dari rumah (BDR). Sistem eclock dibangunkan semasa dalam tempoh PKP iaitu pada 31 Mac 2020 dan digunakan di UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi kampus Permatang Pauh dan juga kampus Bertam mulai 3 April 2020. Sejajar dengan keperluan UiTM, jabatan infostruktur UiTM Shah Alam dan pejabat pendaftar UiTM melihat sistem eclock boleh diperluaskan penggunaan ke seluruh sistem UiTM. Sehubungan itu, sistem mula ditambahbaik pada 13 April 2020 dan ditambahbaik dari masa ke semasa mengikut keperluan seluruh sistem UiTM. Sistem ini diperluaskan penggunaannya ke seluruh sistem UiTM mulai 17 April 2020. Sistem eclock merekod maklumat clock in, clock out dan lokasi bagi staf pentadbiran, staf akademik, staf part time full time (ptfp) dan juga staf harian. Kebaikan eclock memudahkan pengguna kerana menggunakan telefon samada android atau ios. Tidak memerlukan peralatan tambahan. Sesuai untuk pemantauan staf sepanjang bekerja di rumah dan juga di pejabat. Staf Tidak Perlu Menggunakan Thumbprint Selepas Masuk Bekerja Di Kampus Untuk Mengelak Kebolehhangkitan Covid-19. Merupakan Norma Baru Kepada Staf Dan Pengurusan Untuk Merekod Kehadiran Tanpa Penggunaan Thumbprint. Kebaikan kepada UiTM. Penjimatan wang kerana menggunakan khidmat staf dalaman untuk *inhouse development*. Penggunaan kepada seluruh sistem UiTM dengan menggunakan kepakaran staf dalaman. Tidak perlu untuk membeli thumbprint baru sistem eclock ini diguna bersama sistem eattendance bagi staf UiTM cawangan Pulau Pinang untuk melihat keseluruhan rekod kehadiran secara lebih terperinci. Sistem eclock boleh dicapai melalui pautan berikut : <https://intersys.penang.uitm.edu.my/>

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh

## AHLI KUMPULAN



Nor Husaina binti Md Hussain (Ketua)

Azri bin Hashim

Muhamad Syabani bin Hassan

Norhasniza binti Sabarudin

Nur Diyanah binti Da Halib

Rizal bin Mohamad

Suhaida bt Mohd Noor



## **KUMPULAN: PRO6IX**

### **TAJUK: ODL SMART ACCOUNTING**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Susulan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan COVID-19, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengaktifkan mod Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara dalam talian kepada seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara. Situasi ini mencetuskan perubahan drastik terhadap pengurusan P&P di IPT memandangkan P&P sebelum ini adalah secara bersemuka. Para pensyarah berdepan dengan cabaran baru untuk memikirkan pendekatan yang bersesuaian dan juga bahan-bahan untuk P&P secara dalam talian. Walaupun ada IPT yang kini sudah kembali kepada kaedah P&P secara bersemuka, Universiti Teknologi Mara (UiTM) memutuskan untuk menggabungkan mod pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) dan mod kehadiran fizikal sebaik pembukaan sepenuhnya universiti untuk para pelajar pada Oktober 2020 nanti. Justeru, bagi membantu memudahkan proses P&P pada masa akan datang, satu platform perlu diwujudkan bagi memudahkan proses pengumpulan maklumat dan bahan pengajaran terutamanya secara ODL bagi setiap kursus. Kami bercadang ingin membangunkan sistem ODL Smart Accounting khusus untuk pensyarah Fakulti Perakaunan bagi memenuhi objektif-objektif ini: 1) Meja bantuan dalam talian menggunakan satu platform sistem komputer yang berfungsi sebagai pusat sehenti P&P bagi Fakulti Perakaunan; 2) memberi kemudahan kepada pensyarah walau di mana sahaja berada pada bila-bila masa untuk mendapat akses kepada bahan-bahan P&P terkini dari silibus, nota sehingga penilaian akhir. ODL Smart Accounting yang berfungsi sebagai pusat sehenti bagi bahan berkaitan P&P untuk semua subjek yang ditawarkan oleh Fakulti Perakaunan di UiTM Cawangan Kelantan berupaya menyumbang dari segi penjimatan masa di kalangan pensyarah kerana semua bahan dikumpulkan di platform yang sama., berbanding dengan sekarang di mana bahan-bahan yang ada perlu dicapai dari sistem berbeza seperti AIMS, EQPS, i-Learn dan sebagainya. Selain cepat dan mudah, perkongsian bahan secara atas talian juga menjimatkan ruang simpanan bahan pengajaran secara fizikal, menjimatkan kos kertas dan cetakan, serta membolehkan proses mengurus dan mengemaskini bahan pengajaran dibuat secara lebih teratur dan fleksibel. Sistem ini juga seiring dengan budaya kerja baru yang menekankan kebolehcapaian maklumat secara telus dan mudah pada bila-bila masa apabila diperlukan. Para pensyarah dapat mewujudkan jaringan kerja sosial sesama sendiri walaupun tidak dapat bersemuka dengan cara berkongsi bahan pengajaran yang sama. Ini secara tidak langsung menjamin kualiti dan kesaksamaan bahan yang diperolehi oleh setiap pelajar walaupun mereka diajar oleh pensyarah yang berbeza. ODL Smart Accounting ini sangat berpotensi untuk diperluas penggunaannya dan dikomersilkan kerana ia dapat memberikan nilai tambah kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di mana projek ini mengintegrasikan proses pengumpulan, penyimpanan, dan mendapatkan maklumat kembali berkenaan sesuatu kursus secara menyeluruh. Bahan-bahan P&P yang disimpan di satu pusat sehenti akan mengurangkan risiko ketiadaan dan kehilangan maklumat berkaitan sesuatu kursus. Proses pengemaskinian maklumat dan bahan-bahan P&P juga dapat dilakukan dengan mudah.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang

## **AHLI KUMPULAN**



Wan Noor Asmuni binti Wan Fauzi (Ketua)

Junaidah Hanim binti Ahmad

Muhaniza binti Zainal Ariffin

Nurfazilahaini binti Muhamad Hanafi

Siti Jeslyn binti Hasan

Wan Noraswaniaty binti Wan Ahmad

## **KUMPULAN: SURIA**

### **TAJUK: MYMEDICALCHECKUP (MYMCU)**

#### **BIDANG: SOSIAL**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Mymedicalcheckup (mymcu) adalah satu sistem atas talian bagi proses penghantaran laporan pemeriksaan perubatan (*report of medical examination -rme*) dan platform ini digunapakai oleh pelajar baru yang mula mendaftarkan diri sebagai pelajar universiti untuk menghantar rme yang lengkap kepada unit kesihatan sebagai salah satu perkara yang wajib dilakukan untuk melengkapkan proses pendaftaran sebagai mahasiswa. Sebelum idea unggul ini, proses penyerahan rme dilakukan secara manual yang kebiasaannya dilakukan pada hari kedua minggu orientasi (minggu destini siswa) dengan mengambil slot selama 3 jam dan melibatkan staf seramai 8 orang bagi anggaran 1200 pelajar baru. Pelajar berbaris mengikut kursus dan menghantar rme kepada staf kesihatan. satu senarai disediakan bagi pelajar yang tidak dan belum menyiapkan rme untuk rujukan akan datang. Pelajar yang mempunyai masalah kesihatan, rme akan diasingkan untuk dibuat salinan simpanan unit kesihatan sebelum dihantar kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik. Manakala bagi pelajar yang tiada masalah kesihatan, rme akan disimpan di dalam fail peribadi pelajar. Idea unggul dan kreatif mymcu ini meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam proses penyerahan rme yang mana ianya dilakukan secara atas talian dan sudah semestinya menepati kehendak pelanggan dan standard perkhidmatan yang memberikan pulangan nilai yang terbaik. Penjimatan kos melalui penggunaan sumber secara optimum baik dari aspek masa, sumber manusia, tenaga dan bahan. proses atas talian di mana pelajar hanya memuat naik rme yang lengkap dan mengisi beberapa perkara asas yang diperlukan berdasarkan manual yang diberikan sangat memudahkan, boleh digunakan pada bila-bila masa dan dimana sahaja. mymcu memberikan satu kaedah yang baru yang mudah bagi proses penyerahan rme secara atas talian apatah lagi bila menghadapi wabak covid19 yang mengurangkan keberadaan di tempat yang sesak, kurangkan sentuhan dan penjarakan fizikal. Selain daripada penerimaan rme, melalui pengkalan data statistik pelajar yang belum menghantar dan melengkapkan rme dapat dianalisa. Merancang lebih awal pelbagai gaya hidup sihat yang proaktif berdasarkan nilai-nilai anthropomatrik yang diberikan. Analisa keadaan kesihatan pelajar dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan melalui klasifikasi antarabangsa penyakit 10 (icd10-international classification disease 10). Mymcu dapat memberikan nilai tambah dan memupuk pelajar dalam penggunaan hujung jari teknologi baru penyerahan rme. Mymcu dalam talian yang mesra pengguna ini dapat dicadangkan kepada ipta/ipts dan mana-mana keperluan agensi yang menggunakan rme sebagai satu keperluan untuk pendaftaran pelajar dan pekerja baru. Malah ianya boleh disesuaikan untuk pemeriksaan rutin kesihatan staf yang berumur 40 tahun keatas, rme tahunan dan sebagainya. Mymcu membolehkan pengurusan memantau kesihatan pelajar dan staf dan merangka program dan aktiviti proaktif dalam menghasilkan pekerja yang produktif dan berkualiti.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani

## AHLI KUMPULAN



*Kebiasaan Baharu,  
Jaminan Kelestarian UiTM*

### KUMPULAN SURIA



Noreha binti Che Sidik (Ketua)  
Juriyah binti Rosli  
Khairul Afidah binti Hashim  
Mohd Hamidi Adha b Mohd Amin  
Muhammad Syahidi bin Serbini  
Noorfazellyna binti Rejab  
Roshazlina binti Hassan  
Shamsul Jamel bin Elias  
Siti Khairul Niza binti Sukri

## **KUMPULAN: R'VOLUTION**

### **TAJUK: SMART TEACHING AND LEARNING: i-TuL**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Wabak COVID-19 telah menyumbang jumlah kematian di seluruh dunia dengan hampir tiga puluh juta orang di seluruh dunia dijangkiti dan jumlah kematian hampir mencecah 900,000 orang pada 11 September 2020. Virus ini, yang berasal dari China, kini telah membuat kehadirannya terasa di lebih dari 211 negara. Hari ini kita melihat sepertiga dunia di bawah beberapa bentuk penguncian atau kawalan pergerakan terhadap dalam usaha membendung penyebaran jangkitan. Ini bermaksud penutupan hampir semua sektor ekonomi dan, dalam banyak kes, peralihan bekerja dari rumah. Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) juga telah berubah semasa pandemik COVID-19. Sektor pendidikan yang biasanya sibuk dengan pelajar kini sunyi. Tetapi pembelajaran masih berterusan. Rumah ini kini menjadi kelas bagi pelajar untuk belajar. Sehubungan dengan itu, pensyarah disarankan menggunakan kreativiti masing masing di dalam PdP secara *Open Distance learning (ODL)* seperti menerusi *Massive Open Online Learning (MOOC)*, *Open Educational Resources (OER)* dan *Flipped Classroom* secara dalam talian, termasuk sebarang aplikasi yang boleh membantu pensyarah dan pelajar berkomunikasi menyampaikan mesej serta berkongsi bahan pengajaran dan arahan tugas perlu digembleng sebaik mungkin termasuk pesanan suara, aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *Google Meet*, *Google Class*, *Google Classroom*, *Zoom* dan berbagai lagi. Walaupun terdapat pelbagai platform, permasalahan dalam menguruskan setiap akaun menjadi isu utama kerana setiap satu platform mempunyai login name dan kata laluan yang berbeza. Isu penggunaan data yang banyak dan liputan internet yang tidak meluas juga menjadi penghalang utama kepada pelajar dalam proses *ODL* ini. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah yang dinyatakan di atas, *i-TUL (i TEACH u LEARN)* diperlukan sebagai platform perkongsian data yang menyediakan perkhidmatan bagi tools/aplikasi yang sering digunakan oleh pensyarah untuk PdP kepada pelajar. Cadangan pembangunan aplikasi ini adalah sebagai perkongsian alat yang mempunyai perkhidmatan bagi aplikasi yang sering digunakan oleh pensyarah oleh pensyarah untuk PdP kepada pelajar. pelaksanaan aplikasi ini dapat membolehkan aplikasi diselaras dan dikongsikan merentas kursus dengan lebih ekfisin. secara tidak langsung pelajar berupaya mengurnagkan kos penggunaan data, penggunaan pelbagai kata laluan. Objektif utama pembangunan aplikasi ini adalah menwujudkan aplikasi yang berintegrasi dan menguruskan PdP bagi pensyarah dna pelajar. Selain itu aplikasi ini juga akan dijadikan sebagai *One Stop Application* bagi semua platform *ODL* yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar

## **AHLI KUMPULAN**



Mohd Nasurudin bin Hasbullah (Ketua)

Azira binti Ibrahim

Azman bin Zainonabidin

Ezzat Fahmi bin Ahmad

Ida Nianti binti Mohd Zin

## **KUMPULAN: THE VIRTUE**

### **TAJUK: KIT INTEGRITI AKADEMIK**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Pengajaran dan pembelajaran secara jarak jauh dan atas talian (ODL) mengambil alih kaedah bersemuka berikutan masalah penularan Coronavirus 2019 (covid-19) pada awal tahun 2020. Bagaimanapun, seiring dengan peningkatan ini, masalah plagiarisma yang menghakis integriti akademik turut meningkat dengan ketara. Laporan kajian oleh Wiley pada Mei 2020 menunjukkan kecenderungan pelajar untuk meniru meningkat. Lebih membimbangkan, tiada kajian dan data rasmi berkaitan hal ini di Malaysia pada ketika ini. Tinjauan awal kajian ini yang melibatkan 143 pensyarah uitm mendapati pensyarah bersetuju pelajar di UiTM mempunyai kecenderungan untuk meniru di dalam proses menghasilkan penulisan akademik dengan majoritinya bersetuju bahawa kemahiran pelajar untuk menulis penulisan ilmiah dengan betul adalah sederhana atau lemah. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, kit integriti akademik yang mengandungi panduan menulis bahan ilmiah dengan betul dicipta. Panduan ini dianggap menyeluruh kerana ia merangkumi bukan sahaja mengandungi cara menulis dengan betul malah turut merangkumi Langkah Demi Langkah penggunaan Perisian Terkini Yang Membantu Penghasilan Penulisan Yang Berkualiti. Selain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran menulis bahan ilmiah dengan betul serta mengoptimalkan penggunaan teknologi terkini dalam membantu menulis secara berintegriti. Produk ini juga bertujuan untuk mengukuh pembudayaan integriti dalam penulisan akademik. Menerusi kaedah pembelajaran secara maya yang mendominasi fasa norma baru. Penghasilan produk adalah berasaskan konsep kitaran Deming dan melibatkan 5 pelajar semester 1 sebagai sampel untuk tujuan ujilari produk. Metodologi ini diguna pakai dalam proses ini atas prinsip ianya membantu analisa dibuat secara sistematik demi memastikan peningkatan berterusan dapat dicapai sepenuhnya. Produk ini dikategorikan sebagai inovasi penciptaan dalam usaha menambah nilai kepada proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi umumnya, dan UiTM khususnya. Inovasi ini mampu menjimatkan kos kewangan serta bukan kewangan dalam aspek penulisan bahan ilmiah dengan meningkatkan proses penulisan tanpa ada kompromi terhadap kualiti penulisan ilmiah. Di samping itu, produk ini mampu meningkatkan motivasi, kepuasan dan produktiviti pensyarah dan pelajar dalam proses menghasilkan penulisan akademik yang betul seterusnya memenuhi dasar integriti akademik universiti. Manfaat produk yang dihasilkan menyasarkan semua golongan yang terlibat di dalam penulisan bahan akademik sama ada tenaga pengajar atau pelajar. produk ini juga mempunyai potensi penerbitan dan komersilan. hasil penerbitan produk ini, ianya akan dijual dipasaran dengan anggaran harga RM15 senaskhah. Produk yang dihasilkan boleh dianggap tepat pada masanya atas dasar ianyanya akan menjadi rujukan semua pihak seterusnya memudahkan penulisan bahan ilmiah dalam proses pembelajaran tidak bersemuka atau secara atas talian yang meningkat akibat pandemik Covid-19.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban

## AHLI KUMPULAN



Zurina Md Nen (Ketua)  
Alice Shanthi a/p Kasawi Khrishnan  
Asiyah binti Kassim  
Nur Zafifa binti Kamaruzaman  
Radduan bin Yusof  
Sarina binti Othman  
Syaiful Hisyam bin Saleh



## **KUMPULAN: TWO S**

### **TAJUK: I-HEASE**

### **BIDANG: SOSIAL**

## **RINGKASAN PROJEK**

Kumpulan TWO S ditubuhkan pada 20 Februari 2019 melalui program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM. Disertai oleh 6 orang staf dari Unit Makmal Sains bersama seorang Fasilitator dari UiTM Cawangan Perlis. Menyertai konvensyen pertama di konvensyen peringkat zon utara di UiTM Cawangan Perak pada tahun 2019. Berjaya memenangi anugerah kategori kumpulan KIK Berpotensi, Anugerah KIK Primer Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan kategori Penciptaan dan penarafan Emas di konvensyen tersebut. Berikutan penularan wabak Covid 19 yang melanda negara, pematuhan SOP kerajaan seperti mengambil suhu badan, mencuci tangan dan mendaftar masuk ke premis adalah diwajibkan di Unit Makmal Sains. Terdapat 50 buah makmal yang memberikan khidmat pembelajaran Kelas Amali kepada pelajar. Oleh kerana bilangan makmal yang banyak, maka keperluan untuk menyediakan perkakasan saringan kesihatan seperti termometer, alat cucian tangan dan dokumentasi pendaftaran masuk ke makmal memerlukan kos yang tinggi. Saringan kesihatan perlu dilakukan di setiap makmal, namun masalah kekurangan staf sedia ada mengakibatkan SOP yang diwajibkan ini tidak berjalan dengan sempurna. Pertambahan kerja staf makmal telah memberi bebanan dan kesan kepada kualiti kerja hakiki. Pelajar pula menghadapi kesukaran untuk mendapatkan khidmat saringan kesihatan kerana terpaksa bergerak jauh ke setiap makmal dan mengakibatkan arahan penjarakan fizikal sukar dipraktikkan. Justeru, kumpulan TWO S mengambil langkah proaktif dengan mencipta satu alat yang diberi nama i-hease iaitu singkatan nama kepada Idea Health Security and Education. Bersesuaian dengan tanggungjawab jabatan iaitu memastikan kesihatan, keselamatan dan Pembelajaran dapat diberikan dengan cemerlang. Alat ini menggabungkan teknologi robotik, elektronik dan elektrik. Berfungsi untuk mengambil bacaan suhu badan automatik tanpa sentuh, mencuci tangan menggunakan semburan bertekanan tinggi dan imbasan QR kod bagi pendaftaran masuk ke makmal. Turut disediakan adalah tutorial penggunaan peralatan instrumentasi dan taklimat norma baru keselamatan makmal secara atas talian kepada pelajar. Alat ini diletakkan di laluan khas pelajar memasuki Komplek Makmal. Proses pengambilan suhu badan, cucian tangan dan pendaftaran masuk ke makmal dapat dilakukan dalam masa 20 saat untuk seorang pelajar. Penjarakan fizikal dapat dipraktikkan dan menjimatkan masa kepada staf dan pelajar. Tanggungjawab jabatan dalam memastikan SOP oleh kerajaan dapat dilaksanakan melalui penggunaan alat ini. Dicipta berdasarkan ciri-ciri premium, berteknologi tinggi dan mesra pengguna menjadikan alat ini turut sesuai digunakan di luar UiTM seperti di masjid, sekolah dan pasaraya. Ini membuka peluang bagi menjana ekonomi kepada jabatan. Penggunaan I-HEASE berjaya mengurangkan kos kewangan, membantu dalam mencapai piagam pelanggan jabatan, meningkatkan motivasi bekerja staf dan menjadikan warga kampus sebagai rakyat yang bertanggungjawab bersama kerajaan dalam usaha menangani wabak Covid 19.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau

## **AHLI KUMPULAN**



Raziman bin Remli (Ketua)  
Mohd Fandi bin Roslie  
Mohd Zahib bin Mat Zain  
Noorhafiza bt Abdul Wahab  
Noraini binti Sidek  
Shahrizan bin Tabri

## **KUMPULAN: UiTMCM-STC**

### **TAJUK: i-CAMPUS**

### **BIDANG: PENGURUSAN**

### **RINGKASAN PROJEK**

Sistem i-CAMPUS UiTM Cawangan Melaka merupakan salah satu projek inisiatif oleh Yang Berbahagia Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka untuk membantu memudahkan urusan pengurusan dan pemantauan projek-projek khas UiTM Cawangan Melaka. Oleh yang demikian, sistem i-CAMPUS UiTM Cawangan Melaka ini telah dibangunkan dengan menggunakan teknologi mudah alih dan tanpa wayar. Sistem i-CAMPUS ini telah dibangunkan dengan menyediakan Dashboard kepada Rektor, Timbalan Rektor Akademik, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Rektor PJI, Bendahari dan boleh ditambah berdasarkan keperluan. Melalui dashboard ini, ketua-ketua jabatan boleh memantau pencapaian projek dari semasa ke semasa dan boleh menyediakan pelan tindakan awal sekiranya terdapat projek yang lewat daripada carta perbatuan. Selain itu, sistem i-CAMPUS ini turut diintegrasikan bersama teknologi Global Positioning System (GPS) bagi memberikan notifikasi kepada pengguna bahawa mereka berada di kawasan lingkungan ketiga-tiga kampus di UiTM Cawangan Melaka. Bagi membantu dalam menyampaikan maklumat, sistem i-CAMPUS ini juga turut diintegrasikan bersama laman web rasmi UiTM Cawangan Melaka. Capaian mudah alih ini boleh meningkatkan lagi kepekaan warga UiTM Cawangan Melaka terhadap maklumat terkini berkaitan UiTM Cawangan Melaka khususnya. Di samping itu, bagi meningkatkan produktiviti di kalangan warga UiTM Cawangan Melaka, terdapat beberapa sistem telah diintegrasikan ke dalam sistem i-CAMPUS seperti sistem tempahan ruang. Dengan adanya capaian melalui sistem i-CAMPUS ini, jangka masa kelulusan boleh diperolehi dengan cepat. Kesenambungan daripada kesan pandemik COVID-19 ini, sistem i-CAMPUS juga turut memasukkan SaringC19 sebagai salah satu modul di dalam i-CAMPUS. Segala maklumat berkaitan pengendalian dan pengawalan penularan COVID-19 turut dimasukkan di dalam sistem i-CAMPUS. Ciri-ciri i-CAMPUS yang setempat dan sistematik ini turut memasukkan eperkhidmatan seperti perkhidmatan tanpa tunai iaitu Tabung Jumaat dan Sedekah UiTM Cawangan Melaka. Bagi penjanaan universiti, i-CAMPUS akan menambahkan modul e-perkhidmatan lain seperti pembelian Pra Bayar dan pembayaran bil. Dalam jangka masa panjang, faedah pelaksanaan sistem i-CAMPUS UiTM Cawangan Melaka akan mengubah cara melakukan kerja menjadi pengalaman yang lebih inovatif, interaktif dan automatik kepada penggunanya. Bagi memastikan sistem i-CAMPUS ini sentiasa relevan dan memenuhi keperluan warga UiTM Cawangan Melaka khususnya, kajian kepuasan pengguna juga dijadikan sebagai salah satu modul di dalam i-CAMPUS bagi penambahbaikan dan perancangan masa hadapan.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

### AHLI KUMPULAN



Alya Geogiana binti Buja (Ketua)  
Anwar Farhan bin Zolkeplay  
Azlan bin Abdul Aziz  
Fadilah Ezlina binti Shahbudin  
Khyrina Airin Fariza binti Abu Samah  
Mohd Ali bin Mohd Isa  
Mohd Hajar Hasrol bin Jono  
Noor Afni binti Deraman  
Nurul Najwa binti Abdul Rahid  
Shahadan bin Saad

## **KUMPULAN: VORTEX**

### **TAJUK: MENINGKATKAN KETEPATAN PENILAIAN INSURANS BANGUNAN**

#### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Nilai bangunan bagi tujuan perlindungan insurans kebakaran serta risiko-risiko lain adalah diperlukan dari masa ke semasa. Kebiasaannya, apabila penilai menerima permohonan atau arahan penilaian bagi tujuan insurans kebakaran, penilai akan memeriksa harta tanah berkenaan bagi menentukan anggaran kos pembinaan semula hartanah tersebut sebagaimana keadaan sebelum berlakunya kebakaran. Perlindungan insurans akan ditentukan berdasarkan penilaian kos bangunan tersebut dengan mengambil kira kos binaan semasa bagi bangunan ibu, luar serta bangunan tambahan. Selain itu, penilaian bangunan bagi maksud perlindungan insurans kebakaran ini juga merangkumi kos-kos pembersihan debris, kos Mplan submission, bayaran ikhtisas (profesional), serta kos inflasi. Laporan penilaian insurans bangunan biasanya disertakan bersama laporan penilaian hartanah yang digunakan dalam penilaian bagi maksud pinjaman perumahan, jual beli hartanah, pembiayaan semula hartanah, gadaian serta lain-lain lagi. Justeru, penilaian insurans bangunan ini adalah merupakan suatu subjek penting bagi pelajar-pelajar diploma pengurusan hartanah dalam memastikan pelajar-pelajar ini tidak ketinggalan dalam arus perdana. Kaedah penilaian sedia ada masih lagi menggunakan kaedah pengiraan penilaian secara manual dan dalam pelbagai versi. Terdapat ketidakseragaman formula atau praktis dalam penilaian insurans bangunan. Kajian yang dilaksanakan terhadap organisasi-organisasi luar, iaitu firma-firma penilaian swasta misalnya juga mendapati praktis penilaian insurans bangunan adalah tidak seragam. Apabila berlakunya ketidakseragaman, maka, nilai akhir juga adalah tidak sama dan tidak tepat. Ia akan menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dan ketidaktepatan nilai. Adalah penting untuk para pelajar mengetahui dan bahawa dalam kerja-kerja penilaian, nilai akhir perlulah tepat demi memastikan kelangsungan profesionalisme bidang penilaian. Walaubagaimanapun, terdapat kekangan-kekangan yang dihadapi oleh para pelajar dan pensyarah dalam memastikan kelangsungan pembelajaran dan pengajaran khususnya bagi subjek penilaian. Mengambil kira keadaan semasa yang semakin sukar sementelahan berlakunya pandemik covid-19, terdapat banyak kekangan-kekangan oleh para pensyarah dan pelajar memandangkan kedua-duanya tidak dapat hadir ke kelas secara fizikal. Cabaran terbesar yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah jabatan pengurusan hartanah adalah untuk memberi kefahaman kepada para pelajar khususnya bagi kod-kod kursus melibatkan pengiraan yang mana perlu menyesuaikan diri dalam norma baharu dengan belajar di atas talian. Ini adalah kekangan terbesar kerana tidak mudah untuk menyampaikan kuliah berbentuk pengiraan secara atas talian tanpa aplikasi yang tepat dan mudah. Maka, kumpulan telah membina suatu platform digital yang membantu para pelajar dan pensyarah dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam talian khususnya penilaian insurans bangunan.

## **NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS**

UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar

## **AHLI KUMPULAN**



Najma binti Azman (Ketua)  
Jamilah binti Md. Yusoff  
Mohd Farid bin Sa'ad  
Mohd Hasrol Haffiz bin Aliasak  
Muhamad Hilmi bin Mohamad @ Masr

## **KUMPULAN: GEOMETRIA**

### **TAJUK: GEOMETRY PROOFS (GEOMATH-PRO)**

### **BIDANG: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

### **RINGKASAN PROJEK**

Teknik pembuktian adalah salah satu kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam subjek Foundation of Geometry (MAT123). Pelajar perlu memahami pelbagai teorem, definisi dan ciri-ciri sesuatu bentuk geometri. Pelajar juga perlu memahami cara untuk membuat pembuktian menggunakan kaedah “*two-column proof*”. Konsep penyelesaian masalah secara pembuktian ini perlulah dikuasai oleh pelajar kerana teknik ini akan digunakan dalam setiap bab. Walaubagaimanapun, didapati para pelajar kurang berminat untuk menjawab soalan berbentuk pembuktian dan mereka didapati terlalu bergantung kepada pensyarah dalam menyelesaikan masalah pembuktian. Pembelajaran secara *Open and Distance Learning (ODL)* akibat pandemik penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) juga menyukarkan para pensyarah untuk menerangkan semua bentuk soalan pembuktian dari pelbagai topik kepada pelajar. Oleh itu, penggunaan GEOMath-PRO di dalam subjek MAT123 amat digalakkan kerana pelajar dapat membuat latihan tambahan sendiri tanpa pemantauan pensyarah. GEOMath-PRO adalah satu alat pembelajaran berbentuk digital dan interaktif yang mengandungi pelbagai bentuk soalan dari pelbagai bab, mudah diakses di mana-mana, boleh dijawab berulang kali dan semakan jawapan boleh dilakukan serta-merta. Antara objektif dalam menghasilkan GEOMath-PRO adalah bagi menyediakan satu platform pembelajaran secara digital dan interaktif berkaitan pembuktian, menyediakan pelbagai bentuk soalan pembuktian dari pelbagai topik dan memberi kemudahan kepada pelajar untuk menguasai teknik pembuktian secara “*self-learning*”. GEOMath-PRO dijangka dapat digunakan pada semester Oktober 2020 untuk pelajar semester 1, Diploma Sains Matematik (CS143), Kampus Segamat, Tapah, dan Machang. GEOMath-PRO dijangka dapat menjimatkan masa pensyarah dalam penyediaan soalan dan menyemak jawapan pelajar dan pelajar pula dapat menyemak jawapan dengan serta-merta. GEOMath-PRO juga dapat digunakan oleh pelajar berulang kali untuk membuat latihan. Ia dapat menjimatkan masa pensyarah dalam menjelaskan teknik pembuktian kepada pelajar manakala pelajar dapat mengukuhkan teknik pembuktian dalam masa yang singkat. Oleh itu, dengan terhasilnya inovasi ini diharapkan dapat membantu dan memudahkan pelajar dalam sesi pembelajaran secara ODL dan secara tidak langsung dapat melestarikan visi dan misi universiti dalam mendepani revolusi perindustrian keempat, IR 4.0.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat

## AHLI KUMPULAN



Azlina binti Jumadi (Ketua)  
Najwa binti Abd Ghafar  
Noor Azrin binti Zainuddin  
Nor Siti Khadijah binti Arunah  
Siti Afiqah binti Mohammad



## **KUMPULAN: YOUNG BLAZE**

### **TAJUK: KITAFSKM: APLIKASI MUDAH-ALIH UNTUK PENYEBARAN MAKLUMAT SECARA PANTAS DI KALANGAN PELAJAR BAGI MENGEKANG PENULARAN PANDEMIK COVID-19**

#### **BIDANG: PENGURUSAN**

#### **RINGKASAN PROJEK**

Inovasi KITAFSKM adalah aplikasi atas talian yang telah dilaksanakan di Fakulti Sains Komputer Dan Matematik (FSKM), UiTM Shah Alam mulai 4 April 2020 untuk penyampaian maklumat pengurusan FSKM semasa penularan pandemik Covid-19. Setakat ini sudah hampir 1,190 pelajar dan pensyarah telah berjaya mendaftar dan menggunakannya. Aplikasi ini memberikan notifikasi/maklumat kepada pelajar, khususnya juga pensyarah dan staf pentadbiran mengenai hal-hal berkenaan pembelajaran secara *ODL*, keputusan pergerakan pulang pelajar UiTM, bantuan yang diberikan HEP kepada pelajar dan banyak informasi lain yang berguna sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP). Maklumat dikategorikan dalam beberapa kategori seperti Maklumat Umum, HEA, HEP, Motivasi, Perniagaan, Kelab, Nota dan sebagainya. Setiap kategori mempunyai Administratornya tersendiri yang akan menyenggara ruang dan memastikan kesinambunagn maklumat yang perlu disampaikan kepada pelajar. Sebagai Administrator, mereka boleh melihat berapa ramai pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran yang telah mendaftar bagi membolehkan pengurusan mengenalpasti sasaran pengguna yang belum mendaftar dan memasang aplikasi tersebut. Aplikasi KITAFSKM tersedia untuk pengguna *Android* dan *IOS*. Pengguna sasaran akan lebih peka dengan makluman semasa yang akan disampaikan oleh pengurusan. Sebaliknya, secara tidak langsung menghalang penyebaran berita tidak sahih di kalangan pelajar dan pensyarah. Paparan halaman aplikasi dihiasi dengan iklan-iklan dan info-info yang menarik pengguna kerana menggunakan infografik yang dikatakan dalam menarik minat pelajar membacanya dan mudah difahami. Selain daripada penerimaan maklumat, pengguna sasaram boleh menyimpan maklumat penting yang digemari. Aplikasi ini juga dilengkapi dengan kemudahan komunikasi untuk pengguna memberikan komen ataupun ulasan mengenai maklumat yang diterima. Aplikasi ini telah mendapat reaksi positif daripada pengguna dan terbukti keberkesanannya sebagai satu platform penyampaian maklumat di FSKM. Walaubagaimanapun, penambahbaikan masih diperlukan untuk memberi yang terbaik kepada pelajar. KITAFSKM boleh disuaikan kepada sesuatu organisasi lain yang ingin menggunakan kerangka aplikasi ini, dengan melakukan penyesuaian kepada organisasi berkenaan dalam tempoh 2 bulan. Amat diharap fakulti lain serta cawangan yang berminat dapat juga menggunakan aplikasi ini kepada pengguna sasaran bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan pertindihan maklumat yang sampai daripada pelbagai platform.

## NAMA FAKULTI, JABATAN DAN KAMPUS

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam

## AHLI KUMPULAN



Muhammad Izzad bin Ramli (Ketua)

Maslina binti Abdul Aziz

Muhammad Azizi bin Mohd Ariffin

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PERTANDINGAN IDEA UNGGUL@UiTM 2020**

<b>Bil</b>	<b>AJK</b>	<b>NAMA</b>
1.	Penaung	Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM
2.	Penasihat	Prof Madya Dr. Azizah Abdullah Pemangku Penolong Naib Canselor InQKA
3.	Pengerusi	Prof Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd
4.	Timbalan Pengerusi	Ts. Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim En Rasdi Deraman
5.	Pengarah Program	Dr. Mazlan Che Soh Dr. Shatina Saad
6.	Setiausaha	Pn Nor Nazifah Abd Jamil Pn Sairah Saien
7.	Bendahari	Cik Norazah Mohamed Aznan
8.	Jawatankuasa Pengurusan Majlis	Dr. Mazlan Che Soh Dr. Shatina Saad Pn Hairina Ahmad Bakri Pn. Nor Nazifah Abd Jamil
9.	Jawatankuasa Teknikal & Multimedia  Jawatankuasa Protokol, Publisiti, Promosi & Sepanduk Digital  Jawatankuasa Fotografi	Ts Dr Hayati Abd Rahman En Jasni Ghani Pn Noor Sazila Md Sarip En Muhammad Zanjabil Mat Janum Pn. Fauzilah Idris Pn Siti Nor Juhirniza Mior Mohd Tahir En Darus Kasim En Azril Hasrul Othman En Mohamad Sofi Baharum En Suhaimie Sidek En Mohd Risham Jaafar
10.	Jawatankuasa Cenderamata, Hadiah & Sijil	Ts. Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim Pn. Hairina Ahmad Bakri Pn. Noor Sazila Md Sarip Cik Norazah Mohamed Aznan
11.	Jawatankuasa Makanan	Cik Norazah Mohamed Aznan Pn. Nor Nazifah Abd Jamil
12.	Pengacara Majlis	En. Mohd Zairul Masrun
13.	Pembaca Doa	Ustaz Mohd Faizan Tajuid
14.	Jawatankuasa Pendaftaran & Maklum Balas Program	Pn. Norhasnida Mohamad Pn. Hairina Ahmad Bakri

## SENARAI JURI PERTANDINGAN IDEA UNGGUL@UiTM 2020

Bil	Bidang	Nama Juri
1.	Pengajaran dan Pembelajaran	<p><b>Juri Pusingan Awal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• En Mohd Risham Jaafar</li> <li>• En Rasdi Deraman</li> </ul> <p><b>Juri Pusingan Akhir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prof. Dr. Norzaidi Mohd Daud (Juri Luar) Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Inovasi Malaysia, Unit L3-E-1A &amp; L3-E-1B Level 3, Enterprise 4, Technology Park Malaysia 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur</li> <li>• PM Sr. Dr. Thuraiya Mohd – UiTM Cawangan Perak (Juri Dalam)</li> </ul>
2.	Pengurusan	<p><b>Juri Pusingan Awal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ustaz Hussaini Ab Razak</li> <li>• Dr. Syed Yusainee Syed Yahya</li> </ul> <p><b>Juri Pusingan Akhir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• En Muhammad Ramlee bin Musa (Juri Luar) Penolong Kanan Pengarah Kastam II Cawangan Perancangan Strategik, Jbten Kastam DiRaja Malaysia, Bahagian Perancangan Korporat, Aras 7 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan, No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2, 62596 Putrajaya Tel: 03-88824983 / 012-2854715 emel: ramlee.musa@customs.gov.my</li> <li>• En Darus Kassim – Jabatan Komunikasi, UiTM Shah Alam (Juri Dalam)</li> </ul>
3.	Bidang Sosial	<p><b>Juri Pusingan Awal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Norme Hj Saleh</li> <li>• En Suria Hj Kamis</li> </ul> <p><b>Juri Pusingan Akhir</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuan Haji Mohd Hussaini Morid (Juri Luar) CEO/Principal Consultant QKM Consults Sdn. Bhd. 012-2259620, <a href="mailto:inanur@qkmconsult.com">inanur@qkmconsult.com</a></li> <li>• En Shamsol Shafie – UiTM Cawangan Melaka (Juri Dalam)</li> </ul>



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Kualiti dan  
Pengembangan  
Ilmu

## TERBITAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)  
Universiti Teknologi MARA



Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



#kitautm